




KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

SEJARAH

TAHUN

4

SEKOLAH
KEBANGSAAN





RUKUN NEGARA

Bahwasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

SEJARAH

TAHUN **4** SEKOLAH
KEBANGSAAN



Penulis

Dr. Sivarajan a/l Ponniah
Ahmad Hishanuddin bin Ramli
Noor Syazana binti Taib

Editor

Md Shukuri bin Hamzah
Rosmiza binti Ismail
Norfadhilah binti Mahdi

Pereka Bentuk

Zainal Abidin bin Hasan
Mazlan bin Mohamed

Ilustrator

Rozlin Azrar bin Abd Azib
Mohd. Sazali bin Ibrahim



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0007

KK 959-221-0102011-49-2472-20101
ISBN 978-983-49-2472-0

Cetakan Pertama 2019
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula maupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Azim
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:
Arif Corporation Sdn. Bhd.,
No. 42, Jalan Pengasah 15/13,
Seksyen 15, 40200 Shah Alam,
Selangor.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - Prof. Dr. Ishak bin Saat (Pengerusi)
 - Prof. Dr. Ooi Keat Gin
 - Prof. Datin Dr. Mahani binti Musa
 - Prof. Dr. Ismail bin Ali
 - Prof. Madya Dr. Sivachandralingam a/l Sundara Raja
 - Prof. Madya Dr. Neilson Ilan anak Mersat
 - Prof. Madya Dr. Zuliskandar bin Ramli
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jawatankuasa Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Profesor Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin
- Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia
- Jabatan Warisan Negara
- Arkib Negara Malaysia
- Jabatan Muzium Malaysia
- Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia)
- Galeri Arkeologi Lembah Lenggong, Perak
- Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Sungai Petani, Kedah
- Muzium Geologi, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
- Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat, Nibong Tebal, Pulau Pinang
- SJK(C) Chung Hua Simunjan, Sarawak
- SJK(T) Taman Tun Aminah, Skudai, Johor
- Semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.



KANDUNGAN

Pendahuluan	iv
Unit 1 Mengenali Sejarah	2
Unit 2 Saya dan Keluarga	16
Unit 3 Sejarah Sekolah	30
Unit 4 Sejarah Tempat Tinggal	44
Unit 5 Zaman Air Batu	58
Unit 6 Zaman Prasejarah	72
Unit 7 Kerajaan Melayu Awal	86
Unit 8 Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka	104
Unit 9 Pengasas Kesultanan Melayu Melaka	120
Unit 10 Tun Perak Bendahara Terbilang	138
Unit 11 Hang Tuah Laksamana Terbilang	154
Senarai Rujukan	169



PENDAHULUAN

Buku teks *Sejarah Tahun 4 Sekolah Kebangsaan (SK)* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penulisan buku teks ini memberikan penekanan terhadap penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Penekanan ini perlu bagi melahirkan murid yang berdaya saing dan mempunyai jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

Kandungan yang disediakan dalam buku teks ini menekankan kepelbagaiannya kaedah pembelajaran dan pengajaran seperti pembelajaran berasaskan inkuiiri, kajian masa depan, kontekstual, kajian kes, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi serta mengaplikasikan kemahiran abad ke-21.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan didik hibur yang digunakan membolehkan murid melahirkan pemikiran sejarah yang lebih kritis, kreatif dan inovatif. Selain itu, terdapat juga aktiviti yang meminta murid membuat kajian bagi mendapatkan maklumat. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kepada murid. Murid diharap akan dapat menghayati sejarah secara empati untuk membentuk jati diri yang mantap dan memiliki pemikiran yang terbuka.

Buku teks *Sejarah Tahun 4 SK* ditulis bertemakan Sejarah Awal Negara dan dibahagikan kepada lima tajuk utama, iaitu:

Tajuk 1: Mari Belajar Sejarah

Tajuk ini berkaitan tentang pengenalan ilmu sejarah yang mencakupi pengertian, konsep masa, sumber, kaedah, sebab dan akibat serta kepentingan sejarah. Pemahaman sejarah turut didedahkan melalui pengkajian sejarah diri dan keluarga, sejarah sekolah serta sejarah setempat.

Tajuk 2: Zaman Air Batu

Tajuk ini menjelaskan garis masa Zaman Air Batu yang membawa kepada perubahan bentuk muka bumi Asia Tenggara, khususnya Malaysia. Melalui Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah, murid boleh meneroka bukti serta menghubung kait ilmu geografi dan sejarah bagi memupuk sikap menghargai anugerah Tuhan untuk kelestarian alam sekitar.

Tajuk 3: Zaman Prasejarah

Tajuk ini membincangkan zaman prasejarah di Malaysia. Tumpuan pengetahuan kepada maksud, lokasi, alatan serta kegiatan sosial dan ekonomi dalam kehidupan manusia prasejarah. Kemahiran inkuiiri diaplikasikan bagi membantu murid melihat perubahan dan kesinambungan zaman prasejarah dengan kehidupan masa kini. Hasilnya murid boleh menghargai warisan negara sebagai khazanah yang bernilai.

Tajuk 4: Kerajaan Melayu Awal

Tajuk ini membincangkan kerajaan Melayu awal sebelum zaman Kesultanan Melayu Melaka. Murid diberi pendedahan tentang nama, lokasi, kegiatan ekonomi dan bentuk hubungan diplomatik. Murid berupaya membuat perbandingan masa lalu untuk disesuaikan dengan kehidupan masa kini dalam menghargai sejarah asal usul negara.

Tajuk 5: Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka

Tajuk ini membincangkan tokoh-tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka dengan memberikan tumpuan terhadap struktur masyarakat, maksud tokoh terbilang, peranan sultan, bendahara dan laksamana pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Tokoh-tokoh ini terdiri daripada Parameswara, Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah.

Lima tajuk dalam buku teks *Sejarah Tahun 4 SK* ini dibahagikan kepada 11 unit. Setiap unit dalam buku ini dibincangkan mengikut Standard Pembelajaran yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Tahun 4. Pada akhir halaman buku teks ini, senarai rujukan yang digunakan dalam penulisan dipaparkan bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Bagi memudahkan guru dan murid menggunakan buku teks ini, beberapa ikon digunakan.



Sinopsis

Gambaran umum tentang pembelajaran dalam sesuatu unit.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

Murid boleh menganalisis peristiwa sejarah yang berlaku dengan menggunakan Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah, iaitu elemen asas sejarah, konsep masa, susunan dan pertukaran (konversi) masa, signifikan bukti, imaginasi dan empati, isu dan masalah masa lalu, perbandingan masa lalu dan mencari sumber.



Apakah yang akan anda pelajari?

Elemen ini dijelmakan secara tersurat dan tersirat sama ada dalam teks, soalan atau pelbagai bentuk aktiviti.



Nilai Teras Sivik

Elemen utama nilai-nilai murni yang diterapkan kepada murid.



Glosari

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami untuk memberikan kefahaman kepada murid.



KBAT

Soalan berbentuk aras tinggi diberikan untuk merangsang pemikiran murid tentang peristiwa sejarah yang berlaku.



Aktiviti

Mengandungi pelbagai aktiviti berdasarkan konsep pembelajaran akses kendiri dan pembelajaran luar bilik darjah, contohnya *i-Think*, Jom Buat, Kajian Kes, Kajian Masa Depan, Pembelajaran Abad ke-21 dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi.



Tahukah Anda?

Mengandungi maklumat tambahan bagi membantu murid memahami sesuatu perkara dengan jelas dan mendalam.



Cerdas Minda

Mengandungi soalan yang perlu dijawab oleh murid berdasarkan pemahaman terhadap peristiwa sejarah. Soalan diajukan secara ringkas dan sederhana.



Standard Pembelajaran dan Elemen Kewarganegaraan

Petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang diperoleh murid dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu tajuk. Elemen ini dijelmakan secara tersurat dan tersirat sama ada dalam teks, soalan atau pelbagai bentuk aktiviti.



Nota Guru

Membantu guru melaksanakan pembelajaran dan pengajaran secara efisien bagi setiap unit.



Kod QR

Imbas kod menggunakan alat peranti untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam bentuk video atau dokumen lain.



Imbas Kembali

Terdapat pada bahagian akhir setiap bab. Kesimpulan membantu murid untuk mengimbas kembali topik-topik yang telah dipelajari.



Fikir dan Jawab

Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur pemahaman murid tentang kandungan yang dipelajari daripada unit tersebut.



Cinta akan Negara

Terdapat tiga unsur yang ditekankan, iaitu nilai, patriotisme dan iktibar. Murid akan menilai kembali pembelajaran dalam unit dan mengaitkan dengan tindakan sendiri, tindakan sebagai masyarakat dan tindakan untuk negara. Murid akan berasa bangga sebagai bangsa Malaysia yang mempunyai identiti nasional.

Buku teks *Sejarah Tahun 4 SK* ini diharapkan dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid terhadap ilmu sejarah melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, murid dapat melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai-nilai murni. Secara langsung murid juga dapat menguatkan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

SEJARAH AWAL NEGARA



Unit
1

MENGENALI SEJARAH



Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Sinopsis

Sejarah merupakan disiplin ilmu tentang peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Sejarawan menggunakan pelbagai sumber dan kaedah penyelidikan untuk menghasilkan penulisan sejarah. Unit ini akan membincangkan pengertian sejarah, sumber sejarah, kaedah penyelidikan sejarah, konsep masa dan ruang serta sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan pengertian sejarah.
2. Mengenal pasti sumber dalam sejarah.
3. Menjelaskan kaedah penyelidikan sejarah.
4. Membezakan konsep masa dan ruang dalam sejarah.
5. Menghuraikan sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah



Nilai Teras Sivik


- Kasih sayang

1. Mengenal pasti sumber sejarah.
2. Melihat sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah.
3. Menerangkan perubahan dan kejadian dalam urutan masa.



Pengertian Sejarah

Sejarah ialah peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lalu. Pengertian sejarah perlu diketahui supaya kita mudah memahami peristiwa sejarah. Sejarawan telah memberikan pandangan masing-masing tentang pengertian sejarah.



Sejarah merupakan penceritaan tentang tindakan manusia dan sebab-sebab mereka melakukannya.

Herodotus

(Sumber: www.history.com)



Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942–1945.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Glosari

Peradaban: Kemajuan sosial dan kebudayaan sesuatu bangsa.

Sejarah membicarakan peradaban manusia dan perubahan yang berlaku.



Ibn Khaldun

(Sumber: worldbulletin.net)



Sejarah ialah satu proses interaksi antara masa kini dengan masa lampau.

E.H. Carr

(Sumber: Spartacus-educational.com)

Kuala Lumpur Dahulu dan Kini.



1900



2019

Pasar Besar Kuala Lumpur.


(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Kini, dikenali sebagai Pasar Seni.



Biodata
Sejarawan

Sejarah merujuk peristiwa yang pernah atau sudah berlaku.



Profesor Emeritus
Tan Sri Dr. Khoo
Kay Kim



Pengumuman tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Banda Hilir, Melaka.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Hari Anugerah Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan (Felda) Redong, Segamat, Johor pada tahun 2018.

(Sumber: Muhamad Syafiq bin Hussin)



Dr. Muhd Yusof bin Ibrahim

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Sejarah merupakan catatan atau rekod sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu.



Catatan dalam buku *Hari Ini Dalam Sejarah*.

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sejarah melibatkan tindakan manusia, perubahan dan catatan sesuatu peristiwa yang berlaku pada masa lalu. Oleh itu, sejarah memberikan iktibar dan teladan untuk kehidupan manusia.



Aktiviti PAK-21 Meja Bulat (*Round Table*)

1. Secara berkumpulan, cari maklumat satu peristiwa yang berlaku.
2. Catatkan maklumat yang diperoleh pada kertas sebak.
3. Murid-murid daripada kumpulan lain secara bergilir-gilir akan memberikan respons dengan menulis pada kertas yang sama.



I.I.I
K I.I.6

Nota Guru

- Bimbing murid memahami pengertian sejarah mengikut pandangan sejarawan.
- Jelaskan pengertian sejarah dengan merujuk peristiwa sejarah.



Sumber Sejarah

Sumber sejarah memberikan maklumat yang tepat tentang sesuatu peristiwa yang telah berlaku. Sumber sejarah terbahagi kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.

Sumber Primer

Sumber primer juga dikenali sebagai sumber pertama. Sumber primer berada dalam bentuk asal dan belum diolah. Contoh sumber primer ialah fosil, manuskrip, dokumen rasmi dan artifak.



Fosil ialah tinggalan tumbuhan atau haiwan yang terawet.

(Sumber: Muzium Geologi, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia)

Artifak ialah hasil ciptaan manusia seperti alat batu, tembikar, senjata dan duit syiling.

(Sumber: Muzium Sejarah dan Ethnografi Melaka)




Manuskrip tulisan tangan seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Sulalatus Salatin*.

(Sumber: *The Legacy of Malay Manuscripts*, 2012. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia)

Dokumen rasmi mengandungi catatan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang telah berlaku.


(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Contoh-contoh manuskrip




Sumber Sekunder

Sumber sekunder ialah penulisan yang dihasilkan daripada sumber asal. Contoh sumber sekunder ialah buku, majalah, risalah dan akhbar.



Buku

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Majalah

(Sumber: Sekolah Menengah Tanjung Puteri, Kuala Ketil, Kedah)



Akhbar

(Sumber: Berita Harian, Sin Chew Daily dan Tamil Nesan)



Risalah

(Sumber: Jabatan Muzium Malaysia)

Sumber sejarah penting sebagai bukti bagi memahami sesuatu peristiwa yang telah berlaku.

Cerdas Minda

Nyatakan maksud sumber primer dan sumber sekunder.



Aktiviti PAK-21

Suai Padan (Mix-n-Match)

1. Guru menyediakan maklumat berkaitan dengan sumber sejarah dan kepentingan penggunaan sumber sejarah.
2. Setiap murid akan mendapat satu maklumat.
3. Murid akan meletakkan maklumat yang mereka dapat pada bahagian yang dilabelkan, iaitu sumber primer, sumber sekunder dan kepentingan penggunaan sumber sejarah.



Nota Guru

Jelaskan perbezaan sumber primer dengan sumber sekunder kepada murid.



Kaedah Penyelidikan Sejarah

Penyelidikan sejarah dilakukan untuk membuktikan peristiwa sejarah yang telah berlaku. Tiga kaedah boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat sejarah, iaitu kaedah arkeologi, kaedah lisan atau dikenali sebagai sumber lisan dan kaedah bertulis.


Kaedah Arkeologi

Kaedah arkeologi merupakan proses mendapatkan maklumat daripada bahan tinggalan sejarah. Kaedah ini dilakukan melalui proses gali cari (ekskavasi). Contohnya, fosil, tembikar, barang logam dan kulit siput.




Gali cari di tapak arkeologi Sungai Batu, Kedah.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)



Rangka Perak Man di Lenggong, Perak.
(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)

Selain itu, terdapat juga bidang arkeologi maritim atau arkeologi bawah air. Kaedah ini merupakan proses mendapatkan maklumat tinggalan kebudayaan manusia yang terdapat di dasar laut, sungai atau tasik. Contohnya, tapak kapal karam, struktur purba dan artifak.



(Sumber: Jabatan Warisan Negara)

Kaedah Lisan

Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui temu bual. Individu yang ditemu bual dikenali sebagai orang sumber. Orang sumber terdiri daripada mereka yang terlibat dalam peristiwa sejarah, melihat atau mendengar peristiwa sejarah daripada orang lain.



Langkah-langkah dalam kaedah lisan:

Langkah Pertama: Mengenal pasti orang sumber dan menyediakan soalan berdasarkan tajuk kajian.

Langkah Kedua: Menemu bual dan merakamkan perbualan.

Langkah Ketiga: Menyalin rakaman, menyimpan data perbualan dan membuat penulisan.

Kaedah Bertulis

Kaedah bertulis merupakan proses mendapatkan maklumat daripada tulisan dan lakaran. Maklumat ini diperoleh daripada dinding gua, kayu, batu dan bahan bercetak.



Lukisan pada dinding Gua Tambun, Perak.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)



Langkah-langkah dalam kaedah bertulis:

Langkah Pertama: Mengenal pasti sumber sejarah yang tepat.

Langkah Kedua: Mengumpulkan sumber sejarah.

Langkah Ketiga: Mentafsir maklumat dalam sumber.

Langkah Keempat: Membuat penulisan.

Pengkaji boleh memilih mana-mana kaedah yang sesuai untuk mengkaji peristiwa sejarah. Kaedah yang terdapat dalam penyelidikan sejarah memberikan ruang untuk pengkaji menghasilkan penulisan sejarah yang berkualiti.



Aktiviti PAK-21

Giliran Robin (*Rally Robin*)

1. Pilih seorang rakan di dalam kelas anda.
2. Secara berpasangan, bentangkan sejarah diri anda secara bergilir-gilir.



I.I.3




Nota Guru

Bimbing murid memahami tiga kaedah penyelidikan sejarah.



Ruang dan Masa

Sejarawan menggunakan urutan masa untuk mengkaji peristiwa sejarah yang telah berlaku. Urutan masa dikenali sebagai kronologi. Konsep masa ini dapat dibahagikan kepada dekad, abad dan alaf. Konsep masa juga boleh dilihat mengikut zaman, iaitu zaman Sebelum Masihi (SM) dan zaman Masihi (M).



Kronologi Peristiwa Sekolah Saya



(Sumber: Ahmad Hishanuddin bin Ramli)

(Sumber: Muhamad Syafiq bin Hussin)

Ruang sejarah yang luas membolehkan sejarawan menjalankan penyelidikan mengikut bidang tertentu seperti politik, ekonomi dan sosial.



Tahukah Anda?

- Sebelum Masihi (SM) bermaksud zaman sebelum kelahiran Nabi Isa.
- Masihi (M) bermaksud zaman selepas kelahiran Nabi Isa.



Glosari

Kronologi: Rentetan peristiwa yang berlaku mengikut urutan masa.

Dekad: Tempoh selama 10 tahun.

Abad: Tempoh selama 100 tahun.

Alaf: Tempoh selama 1000 tahun.

Ruang dan masa memudahkan kita memahami peristiwa sejarah yang telah berlaku. Oleh itu, kita dapat menulis peristiwa sejarah yang lengkap dan tersusun.



Cerdas Minda

Nyatakan kepentingan urutan masa dalam mengkaji peristiwa sejarah.

- Bimbing murid memahami konsep ruang dan masa.
- Bimbing murid memahami ruang dan masa dalam peristiwa sejarah.



Sebab dan Akibat dalam Peristiwa Sejarah

Setiap peristiwa sejarah yang berlaku mempunyai sebab dan akibat. Kajian tentang sebab dan akibat memudahkan pemahaman kita terhadap peristiwa sejarah.

Hal ini boleh dilihat pada Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik sekolah. Sekolah mengadakan Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik untuk menghargai murid yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik. Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik dapat menaikkan semangat murid untuk belajar lebih tekun.

Hari Anugerah
Kecemerlangan
Akademik

Sebab

Menghargai murid
yang cemerlang
dalam bidang
akademik

Akibat

Murid belajar
dengan tekun



Hari Anugerah Kecemerlangan Akademik.

[Sumber: Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Foon Yew 4, Johor Bahru]



Apakah kesan jika murid tidak rajin mengulang kaji pelajaran?

Peristiwa mendapatkan kemerdekaan bagi negara kita juga mempunyai sebab dan akibat. Tanah air kita dijajah oleh pihak British. Rakyat berjuang membebaskan tanah air sehingga berjaya mencapai kemerdekaan.



Penentangan terhadap Malayan Union.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)



Pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Sebab dan akibat dalam peristiwa sejarah akan menimbulkan perasaan ingin tahu tentang mengapa dan bagaimana serta kesan peristiwa sejarah yang telah berlaku. Berdasarkan pemahaman tersebut, kita dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa sejarah.



Apakah kepentingan peristiwa sejarah negara kepada anda?



Aktiviti

Lengkapkan rajah tentang sebab dan akibat sesuatu peristiwa yang berlaku kepada diri dan keluarga anda.





Imbas Kembali




Pengertian Sejarah

Sejarah merupakan peristiwa yang benar-benar berlaku pada masa lalu.



Sumber Sejarah

Sumber sejarah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu sumber primer dan sumber sekunder.



Kaedah Penyelidikan Sejarah

Terdapat tiga kaedah penyelidikan sejarah, iaitu kaedah arkeologi, kaedah lisan dan kaedah bertulis.



Ruang dan Masa

Ruang dan masa dalam sejarah boleh dilihat mengikut zaman, iaitu zaman Sebelum Masihi (SM) dan zaman Masihi (M).

Sebab dan Akibat dalam Peristiwa Sejarah

Pemahaman tentang peristiwa sejarah menjadi jelas apabila kita mengkaji sebab dan akibat.

Unit ini memberikan pemahaman tentang maksud sejarah dan juga kemahiran ilmu sejarah. Kemahiran ini dapat digunakan untuk mempelajari tentang sejarah diri dan perkembangan keluarga dalam unit seterusnya.



Fikir dan Jawab



A. Pilih jawapan yang betul.

1. Sejarah merujuk peristiwa yang pernah atau sudah berlaku.
Siapakah sejarawan yang menyatakan pengertian di atas?
A. Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim B. Herodotus C. E.H. Carr
2. Sumber sekunder dikenali juga sebagai _____.
A. sumber pertama B. sumber kedua C. sumber ketiga
3. Kaedah lisan merupakan proses mendapatkan maklumat melalui _____.
A. kaedah tinggalan sejarah B. sumber primer C. temu bual
4. Abad ialah tempoh selama _____.
A. sepuluh tahun B. seratus tahun C. seribu tahun
5. Urutan masa dikenali sebagai _____.
A. zaman Sebelum Masihi B. kronologi C. gali cari
6. Kajian tentang sebab dan akibat akan membolehkan kita
A. mencari sumber sejarah yang tepat.
B. menulis peristiwa sejarah dengan tepat.
C. mendapat iktibar dan meraikan peristiwa sejarah.

B. Isikan tempat kosong.

Pengertian sejarah

Dua jenis sumber sejarah

- i. _____
- ii. _____

Tiga jenis kaedah penyelidikan sejarah

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

Pembahagian konsep masa

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____



Tiga langkah dalam kaedah lisan

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____





Cinta akan Negara

Mengetahui pengertian sejarah membolehkan kita memahami peristiwa sejarah dengan jelas dan mudah.

Diri

Menguasai kemahiran ilmu sejarah mewujudkan semangat menyayangi dan berbakti kepada negara.

Masyarakat

Semangat sayang akan negara dapat mengukuhkan hubungan dalam kalangan warganegara.

Negara

Hubungan kukuh dalam kalangan warganegara akan mewujudkan semangat mempertahankan kedaulatan negara.



Bangunan bersejarah perlu dipelihara untuk memudahkan pemahaman peristiwa sejarah.
(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Unit 2

SAYA DAN KELUARGA



Sinopsis

Keluarga mempunyai peranan penting dalam menentukan masa depan diri, masyarakat dan negara. Unit ini membincangkan biodata diri, keluarga asas, keluarga kembangan, peranan anggota keluarga dan perkembangan diri mengikut garis masa.



Sambutan perayaan bersama-sama dengan keluarga



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan biodata diri.
2. Menjelaskan pengertian keluarga asas dan keluarga kembangan.
3. Membandingkan peranan anggota keluarga.
4. Menghuraikan perkembangan diri mengikut garis masa.



Nilai Teras Sivik

- Kasih sayang
- Hormat-menghormati



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah


1. Menyatakan biodata diri.
2. Menjelaskan peranan anggota keluarga.
3. Menerangkan perkembangan diri mengikut garis masa.



[Sumber: *Utusan Borneo*, *The Star* (Malaysia), Traverse Tours, Tourism Malaysia, CompuRex Corporation]



Biodata Diri Saya



Biodata diri saya merujuk maklumat diri seperti nama, jantina, nama ibu bapa, tarikh dan tempat kelahiran. Maklumat ini terdapat dalam sijil kelahiran, MyKid dan kad pengenalan diri sekolah.

BORANG XII																																																					
CONTOH																																																					
 KERAJAHAN MALAYSIA CABUTAN DARI DAFTAR KELAHIRAN <small>Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian, 1951, Sarawak (Bab 10) (Seloyan 26; Kadah 13)</small>																																																					
<table border="1"> <tr> <td>Kawasan Pendaftaran SARAWAK</td> <td colspan="2">Pusat Pendaftaran JPN BINTULU</td> </tr> <tr> <td colspan="3">KANAK-KANAK</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Nama ANGELLICA THYMAH</td> </tr> <tr> <td>Tarikh dan Waktu Kelahiran 08 MEI 2008</td> <td>11:11 PM</td> <td>Jantina PEREMPUAN</td> </tr> <tr> <td>Tempat Kelahiran HOSPITAL BINTULU</td> <td colspan="2">WARGANEGARA</td> </tr> <tr> <td colspan="3">BAPA</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Nama ANIS ANAK ABAI</td> </tr> <tr> <td>No. Kad Pengenalan</td> <td>Umur 34 TAHUN</td> <td>Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-</td> </tr> <tr> <td>Taraf Penduduk WARGANEGARA</td> <td>Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK</td> <td>Agama KRISTIAN</td> </tr> <tr> <td colspan="3">IBU</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Nama GRORIA ANAK UJAK</td> </tr> <tr> <td>No. Kad Pengenalan</td> <td>Umur 43 TAHUN</td> <td>Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-</td> </tr> <tr> <td>Taraf Penduduk WARGANEGARA</td> <td>Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK</td> <td>Agama KRISTIAN</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Tempat Tinggal</td> </tr> <tr> <td colspan="2">No. Daftar : [REDACTED]</td> <td>Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran</td> </tr> <tr> <td colspan="2">Tarikh Pendaftaran : 15 MEI 2008</td> <td>[Signature]</td> </tr> <tr> <td colspan="3">Pendaftar Wilayah KELAHIRAN & KEMATIAN, SARAWAK</td> </tr> </table>			Kawasan Pendaftaran SARAWAK	Pusat Pendaftaran JPN BINTULU		KANAK-KANAK			Nama ANGELLICA THYMAH			Tarikh dan Waktu Kelahiran 08 MEI 2008	11:11 PM	Jantina PEREMPUAN	Tempat Kelahiran HOSPITAL BINTULU	WARGANEGARA		BAPA			Nama ANIS ANAK ABAI			No. Kad Pengenalan	Umur 34 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-	Taraf Penduduk WARGANEGARA	Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK	Agama KRISTIAN	IBU			Nama GRORIA ANAK UJAK			No. Kad Pengenalan	Umur 43 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-	Taraf Penduduk WARGANEGARA	Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK	Agama KRISTIAN	Tempat Tinggal			No. Daftar : [REDACTED]		Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran	Tarikh Pendaftaran : 15 MEI 2008		[Signature]	Pendaftar Wilayah KELAHIRAN & KEMATIAN, SARAWAK		
Kawasan Pendaftaran SARAWAK	Pusat Pendaftaran JPN BINTULU																																																				
KANAK-KANAK																																																					
Nama ANGELLICA THYMAH																																																					
Tarikh dan Waktu Kelahiran 08 MEI 2008	11:11 PM	Jantina PEREMPUAN																																																			
Tempat Kelahiran HOSPITAL BINTULU	WARGANEGARA																																																				
BAPA																																																					
Nama ANIS ANAK ABAI																																																					
No. Kad Pengenalan	Umur 34 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-																																																			
Taraf Penduduk WARGANEGARA	Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK	Agama KRISTIAN																																																			
IBU																																																					
Nama GRORIA ANAK UJAK																																																					
No. Kad Pengenalan	Umur 43 TAHUN	Jenis dan No. Dokumen Lain -Tidak Berkenna-																																																			
Taraf Penduduk WARGANEGARA	Keturunan IBAN ATAU SEA DAYAK	Agama KRISTIAN																																																			
Tempat Tinggal																																																					
No. Daftar : [REDACTED]		Disahkan bahawa maklumat di atas adalah seperti yang dicatat dalam Daftar Kelahiran																																																			
Tarikh Pendaftaran : 15 MEI 2008		[Signature]																																																			
Pendaftar Wilayah KELAHIRAN & KEMATIAN, SARAWAK																																																					



Sebahagian maklumat diri juga terdapat dalam MyKid.

Sukesh a/l Mohan
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)
Sungai Salak, Port Dickson,
Negeri Sembilan.

(Sumber: Mohan a/l Sinappan)




Cerdas Minda

Apakah maksud biodata diri?



Kad pengenalan sekolah juga boleh digunakan sebagai dokumen pengenalan diri.

(Sumber: Neo Vee Wee)



Kad pengenalan sekolah Neo Jia Jia.



Nama saya Ahmad Hafey bin Ahmad Hishanuddin. Saya dilahirkan pada 24 September 2010 di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur. Nama bapa saya ialah Ahmad Hishanuddin bin Ramli. Nama ibu saya ialah Noraini binti Awang@Shari.


(Sumber: Ahmad Hishanuddin bin Ramli)

Sijil kelahiran dan MyKid boleh digunakan sebagai dokumen pengenalan diri untuk urusan rasmi. Sebagai contoh, sijil kelahiran boleh digunakan untuk urusan pendaftaran sekolah dan membuka akaun bank.



Aktiviti (Peta Minda)

Berdasarkan maklumat dalam sijil kelahiran, lengkapkan biodata diri anda dengan menggunakan peta minda.



Nota Guru

Bimbing murid melengkapkan peta minda.



Keluarga Saya

Keluarga saya terdiri daripada keluarga asas dan keluarga kembangan. Kami saling menyayangi antara satu sama lain.

Keluarga Asas

Keluarga asas ialah keluarga yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak. Keluarga asas saya terdiri daripada bapa, ibu, abang, kakak, saya dan adik. Kami sentiasa bertolak ansur dan membantu antara satu sama lain.



Aktiviti

Hasilkan sebuah lukisan yang bertemakan "Keluarga Saya".


Keluarga Kembangan

Keluarga kembangan ialah sebuah keluarga yang terdiri daripada keluarga asas, datuk dan nenek.



Maklumat keluarga kembangan kaum Cina dan kaum India

Keluarga kembangan saya lebih besar daripada keluarga asas. Kami sentiasa mengamalkan adab yang baik seperti bersalam ketika bertemu dan menggunakan nama panggilan yang sopan.



Salasilah Keluarga Kembangan.

Keharmonian dalam keluarga asas dan keluarga kembangan dapat melahirkan sebuah keluarga yang bahagia. Oleh itu, kita harus menghargai setiap anggota keluarga dengan sebaik-baiknya.



I.2.2
K I.2.5



Nota Guru


Bimbing murid memahami maksud keluarga asas dan keluarga kembangan.



Peranan Anggota Keluarga Saya

Setiap anggota keluarga mempunyai peranan masing-masing. Hubungan dalam keluarga bertambah erat jika setiap anggota keluarga menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik.

Peranan Ibu Bapa terhadap Keluarga



- Menyara keluarga.
- Memberikan kasih sayang.
- Menjaga keselamatan.
- Menyediakan segala keperluan asas.
- Menjadi contoh teladan yang baik.
- Memberikan pendidikan yang sempurna.



Cerdas Minda

Nyatakan peranan ibu bapa yang tidak dinyatakan dalam pernyataan di atas.



Peranan Anak-anak terhadap Keluarga



- Menjaga nama baik keluarga.
- Membantu ahli keluarga.
- Saling menghormati.
- Mendengar nasihat.
- Belajar bersungguh-sungguh.

Kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah keluarga bergantung pada peranan setiap anggota keluarga agar dapat mewujudkan keluarga yang harmoni.



Aktiviti PAK-21) Fikir – Pasang – Kongsi (*Think - Pair - Share*)

1. Secara berpasangan, ceritakan peranan anda dalam keluarga dan kepentingan menghormati setiap anggota keluarga.
2. Tuliskan tiga adab yang patut diamalkan dalam keluarga.



Nota Guru

Bimbing murid memahami peranan setiap anggota keluarga.



Perkembangan Diri Saya

Pada suatu petang, datuk bercerita dengan Arif di beranda rumah.



- Arif : Datuk, ceritakanlah tentang kisah keluarga kita.
Datuk : Baiklah. Datuk akan menceritakan kisah keluarga kamu. Abang kamu lahir pada tahun 2008. Dua tahun kemudian, kamu pun lahir. Seronok datuk mendapat dua orang cucu lelaki.
Arif : Sebab itulah saya paling manja, datuk.
Datuk : Mestilah. Bapa kamu membawa keluarga kamu berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 2014. Lama juga kamu semua tinggal di Kuala Lumpur.

Perkembangan diri boleh digambarkan dalam bentuk garis masa.



2010

Saya dilahirkan.



2014

Berpindah ke Kuala Lumpur.



Aktiviti

Hasilkan sebuah buku skrap tentang perkembangan diri anda.




Bincangkan kepentingan akhlak yang mulia untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan yang harmoni.



2016

Datuk dan nenek menunaikan fardu haji.



2017

Saya memasuki tahun 1.

2020

Saya belajar di tahun 4.

Garis masa perlu dicatat untuk melihat perkembangan diri dan peristiwa sejarah. Garis masa juga boleh disimpan sebagai kenangan.



Aktiviti PAK-21

Main Peranan (*Role-Play*)

Berdasarkan dialog di atas, lakonkan.



Nota Guru

Bimbing murid menghasilkan garis masa keluarga dan melakukan aktiviti main peranan.



Jom Buat

Perhiasan Gantungan Salasilah Keluarga

Alatan dan Bahan

Gunting, pen penanda, kad manila, tali, penyangkut baju, penebuk lubang, gam dan pita pelekat.



Cara membuat:



Lekatkan gambar anggota keluarga pada kad manila.



Tulis nama dan gelaran pada kad manila.



Tebuk lubang pada kad manila.



Lekatkan tali pada kad manila.




Ikatkan tali pada penyangkut baju dan kad manila.



Perhiasan gantungan yang telah siap.



Imbas Kembali



Biodata Diri

- Biodata diri mengandungi maklumat seperti nama, jantina, tempat kelahiran, tarikh kelahiran dan nama ibu bapa.

Keluarga

- Keluarga terdiri daripada keluarga asas dan keluarga kembangan.

Peranan Anggota Keluarga

- Setiap anggota keluarga perlu memainkan peranan untuk mewujudkan keluarga yang bahagia dan harmoni.

Perkembangan Diri

- Perkembangan diri dapat digambarkan melalui garis masa.

Unit ini memberikan pemahaman tentang maklumat diri dan aspek dalam keluarga. Unit seterusnya akan membincangkan sejarah sekolah.



Fikir dan Jawab



1. Tulis tiga peristiwa penting yang berlaku pada keluarga anda.

- i. _____.
- ii. _____.
- iii. _____.

2. Cari perkataan yang tersembunyi.

KASIH SAYANG					BIODATA					KELUARGA					HARMONI				
GARIS MASA					ABANG					TELADAN					DATUK				
A	B	H	A	R	M	O	N	I	W	T	M	L	B	U	O	P	M	B	V
C	X	Z	D	S	Q	A	K	E	L	U	A	R	G	A	M	K	M	G	P
G	O	L	M	K	G	H	B	V	G	C	F	T	R	D	X	S	Z	Q	A
A	N	J	B	N	V	C	D	E	T	X	S	C	N	B	T	G	B	R	T
R	U	H	A	N	B	G	V	F	C	D	X	A	M	K	N	J	I	G	V
I	P	B	M	N	G	L	P	L	M	N	D	H	V	G	T	C	O	R	E
S	A	F	G	H	N	Y	B	M	N	A	I	U	J	G	V	R	D	D	L
M	J	N	B	V	C	X	Z	A	L	W	R	Y	G	H	J	P	A	K	N
A	B	G	V	F	C	R	D	E	B	V	G	C	R	D	X	E	T	Z	D
S	V	T	R	F	D	C	T	G	B	J	N	N	J	H	V	D	A	M	A
A	B	H	Y	V	G	T	R	F	C	D	E	S	W	A	L	P	M	J	T
K	O	B	H	Y	V	G	T	V	F	R	E	D	C	X	S	W	Q	A	U
P	P	O	I	U	Y	T	R	E	W	Q	A	S	D	F	G	H	J	K	K
M	N	B	V	C	K	A	S	I	H	S	A	Y	A	N	G	N	H	B	G
V	F	C	D	X	S	Z	A	Q	W	E	R	F	V	C	G	T	B	H	N



Nota Guru

Perbanyak halaman ini.





Cinta akan Negara

Keluarga yang bahagia merupakan asas kepada pembentukan masyarakat yang harmoni.



Diri

Pembentukan sahsiah diri yang cemerlang dapat mengeratkan keakraban demi kesejahteraan hubungan kekeluargaan.

Masyarakat

Keluarga yang bahagia melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

Negara

Masyarakat yang bersatu padu akan mewujudkan negara yang sejahtera dan aman damai.



Kebahagiaan dalam keluarga bermula daripada kasih sayang yang dipupuk sejak kecil.
(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Unit 3

SEJARAH SEKOLAH



Sinopsis

Sejarah sekolah perlu dipelajari supaya kita dapat mengenali latar belakang sekolah. Pengetahuan tentang sejarah sekolah membolehkan kita mengenali sekolah dengan lebih mendalam. Unit ini membincangkan nama, alamat, lokasi, sejarah dan maklumat lengkap sekolah.

Sekolah Kebangsaan
Permatang Tok Mahat.
(Sumber: Koleksi Dewan
Bahasa dan Pustaka)



Nilai Teras Sivik

- Kasih sayang
- Hormat-menghormati
- Kegembiraan



Sejarah SJK(C) Chung
Hua Simunjan,
Sarawak

Sejarah SJK(T) Taman
Tun Aminah, Skudai,
Johor



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan nama dan alamat sekolah.
2. Mengenal pasti lokasi sekolah.
3. Menjelaskan sejarah sekolah.
4. Menghuraikan maklumat sekolah dengan lengkap.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Meneroka bukti berkaitan dengan nama dan lokasi sekolah.
2. Memahami elemen asas sejarah berkaitan dengan penubuhan sekolah.
3. Memahami susunan dan pertukaran masa berkenaan dengan perubahan dan kesinambungan sekolah.



Tempatku Menimba Ilmu

Sekolah merupakan tempat untuk menimba ilmu. Pelbagai aktiviti diadakan di sekolah seperti pertandingan sukan, bercerita, kuiz dan pidato.




Cerdas Minda

Nyatakan nama sekolah yang menganjurkan pertandingan kuiz sejarah tersebut.



Aktiviti

Anda berminat menyertai pertandingan kuiz sejarah yang akan diadakan di Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat. Lengkapkan borang penyertaan di bawah.



— Saya berminat untuk menyertai pertandingan kuiz sejarah.

— Nama penuh:

— Nama dan alamat sekolah:

—

—

—

—

Nota Guru

Bantu murid mengisi borang tersebut di dalam buku latihan.

Setiap sekolah mempunyai namanya tersendiri. Nama sekolah merupakan identiti sesebuah sekolah. Nama sekolah lazimnya diambil sempena dengan nama tempat, jalan atau tokoh yang terkenal. Alamat sekolah pula mengandungi maklumat nama tempat, nama jalan, poskad dan nama negeri. Alamat memudahkan kita mencari lokasi tersebut. Terdapat juga sekolah yang tidak mempunyai alamat lengkap dan menggunakan alamat di tempat lain.



Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat,
Jalan Sempadan,
14300 Nibong Tebal,
Seberang Perai Selatan,
Pulau Pinang.



Sekolah Kebangsaan Salarom,
Jalan Sepulut-Kalabakan,
Peti Surat 62,
89957 Nabawan,
Sabah.



Sekolah Kebangsaan Ulu Melipis,
d/a Pejabat Pelajaran Daerah Song,
96850 Song,
Sarawak.



Sekolah Jenis Kebangsaan (C)
Chung Hua Simunjan,
Pekan Simunjan,
94800 Simunjan,
Sarawak.




Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Taman Tun Aminah,
Jalan Perkasa I, Taman Tun Aminah,
81300 Skudai,
Johor Darul Takzim.



Tahukah Anda?

Terdapat pelbagai aliran sekolah di negara kita.

- Sekolah Kebangsaan (SK) menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
- Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) menggunakan bahasa Cina atau bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.



Nota Guru


Bantu murid mengenal pasti nama dan alamat sekolah dengan betul.



Lokasi Sekolah Saya



Tahukah anda lokasi sekolah saya?



Lokasi Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat mudah dicari dengan menggunakan aplikasi yang terkini.



Cerdas Minda

Di manakah lokasi Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat?



Sekolah saya terletak di lokasi yang strategik dan mudah dikunjungi dengan menggunakan jalan raya. Mercu tanda yang berhampiran dengan sekolah saya ialah Masjid Permatang Tok Mahat, Hospital Parit Buntar dan Stesen KTM Parit Buntar.



Pelan lokasi Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat.

Lokasi sekolah mudah dicari melalui mercu tanda berhampiran. Papan tanda arah dan penggunaan teknologi terkini boleh membantu untuk mencari lokasi.



Glosari

Mercu tanda: Sesuatu objek yang mudah dikenal pasti seperti bangunan, pokok atau binaan sebagai panduan menentukan lokasi sesuatu tempat.



Cerdas Minda

Apakah mercu tanda di sekitar Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat?



Aktiviti

Lakarkan pelan lokasi sekolah anda dengan memaparkan mercu tanda yang berhampiran.



1.3.2



Nota Guru

Bimbing murid mengenal pasti pelan lokasi sekolah berdasarkan mercu tanda.



Sejarah Sekolah

Sejarah sekolah perlu dipelajari supaya kita sentiasa menghargainya. Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat mempunyai sejarah yang unik dan tersendiri. Sejak ditubuhkan, sekolah ini telah mengalami pelbagai perubahan dan kejayaan.

1890

Sekolah ini diasaskan pada tahun 1890. Sekolah ini mendapat nama sempena Kampung Permatang Tok Mahat dan dikenali oleh penduduk tempatan dengan nama "sekolah itik".



Bangunan ini mempunyai tiga buah bilik darjah sahaja.

1956

Pertambahan bilangan murid telah menyebabkan sekolah ini dipindahkan ke tapak yang lebih luas.



Bangunan ini mempunyai tujuh buah bilik darjah.

2001

Bangunan tambahan telah didirikan bagi menampung pertambahan jumlah murid.



Bangunan tambahan Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat.



Tahukah Anda?

Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat dikenali sebagai "sekolah itik" kerana bangunan yang pertama didirikan rendah seperti bangsal itik.



Video Sekolah
Kebangsaan
Permatang Tok Mahat



Cerdas Minda

Apakah kejayaan yang dicapai oleh Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat pada peringkat antarabangsa?

Pelbagai usaha dilakukan oleh Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat sehingga berjaya menempa nama ke peringkat antarabangsa.

2005

Sekolah ini telah mencipta sejarah apabila dianugerahi Sekolah Harapan Negara peringkat kebangsaan.



Tugu peringatan Sekolah Harapan Negara Kategori Luar Bandar.

2014

Sekali lagi sekolah ini mencipta sejarah apabila diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan.



Sijil penghargaan.

2017

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh sekolah ini sehingga memenangi anugerah Double Gold Award dan Best Inventor pada tahun 2017 dalam pertandingan inovasi pada peringkat antarabangsa.



Sijil anugerah yang dimenangi.



Aktiviti PAK-21

Kajian Gambar

1. Teliti gambar di sebelah. Nyatakan bagaimana sekolah dapat membentuk jati diri murid.
2. Secara berkumpulan, jelaskan mengapa kita perlu mengiktiraf jasa dan sumbangan sekolah kepada diri serta masyarakat. Bentangkan.





Identiti Sekolah

Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat mempunyai identiti seperti lencana, lagu dan bendera sekolah. Identiti ini mesti dihormati dan menjadi kebanggaan setiap warga sekolah.

SUKAMAJU

SUKAMAJU ialah cogan kata sekolah ini yang membawa maksud semua warga sekolah suka memajukan diri dalam apa-apa jua bidang yang diceburi.

SEKOLAH KEBANGSAAN PERMATANG TOK MAHAT



Obor melambangkan kejayaan yang ingin dicapai.



Ikan, kapal dan lautan melambangkan ilmu pengetahuan yang perlu dicari di lautan yang luas.



Lagu Sekolah

Sukamaju cogan kata kita
Paduan semangat waja
Disiplin diri, budi pekerti
Amalan hidup, setiap hari



Menimba ilmu, menabur bakti
Untuk mencapai hasrat murni
SKPTM ... SKPTM ... gelaran diberi
SKPTM ... SKPTM ... kebanggaan kami.

Memahami simbol pada lencana, bendera dan lirik lagu sekolah dapat memupuk semangat menyayangi sekolah. Setiap murid mestilah menjaga nama baik sekolah.



Nyatakan kepentingan menjaga nama baik sekolah.



Bendera melambangkan kemegahan dan kebanggaan sesebuah sekolah.

- Biru melambangkan kemesraan antara murid dengan kakitangan sekolah.
- Putih melambangkan kemurnian dan kesucian ilmu yang perlu dituntut.
- Jingga ialah warna tema sekolah yang melambangkan cita-cita, matlamat dan dorongan untuk memajukan diri seiring dengan cogan katanya, "Sukamaju".

(Sumber: Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat)



Cerdas Minda

Apakah identiti Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat?



Aktiviti

1. Tulis seni kata lagu sekolah anda.
2. Nyanyikan lagu tersebut dengan bersemangat.



1.3.4
K 1.3.5

Nota Guru

Bantu murid menulis dan menyanyikan lagu sekolah.



Organisasi Sekolah

Organisasi sekolah memudahkan pengurusan pentadbiran menjadi lebih teratur. Pengurusan yang baik akan membawa kecemerlangan dan kejayaan kepada sekolah. Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat diterajui oleh guru besar. Beliau dibantu oleh penolong kanan pentadbiran, penolong kanan hal ehwal murid dan penolong kanan kokurikulum.

Carta Organisasi Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat 2019

Guru Besar



Abd Halim bin Aris

Penolong Kanan Pentadbiran



Janisha binti Mohamad Dar

Penolong Kanan Hal Ehwal Murid



Alias bin Din

Penolong Kanan Kokurikulum



Mariza binti Arshad

Pengurusan sekolah yang cekap dapat memastikan sekolah berada dalam keadaan terurus. Sebagai murid, kita perlu menghormati dan mematuhi setiap arahan dan peraturan sekolah.



Aktiviti

Scara berpasangan, hasilkan buku skrap berkaitan dengan sekolah anda. Buku skrap tersebut perlu mempunyai maklumat yang berikut:

1. Nama dan alamat sekolah.
2. Lencana sekolah.
3. Carta organisasi sekolah.
4. Kejayaan sekolah.
5. Penglibatan sekolah dengan masyarakat setempat.



Imbas Kembali

Tempatku Menimba Ilmu

Nama sekolah lazimnya diambil sempena dengan nama tempat, jalan atau tokoh yang terkenal. Alamat sekolah pula merujuk nama tempat, nama jalan, poskod dan nama negeri.



Lokasi Sekolah Saya

Lokasi sekolah boleh dikenal pasti melalui mercu tanda yang berhampiran.




Sejarah Sekolah

Sejarah sekolah merujuk penubuhan dan peristiwa penting sekolah tersebut.



Identiti Sekolah

Maklumat berkaitan dengan sekolah seperti lencana, lagu dan bendera sekolah.



Organisasi Sekolah

Organisasi sekolah diwujudkan bertujuan untuk memastikan pengurusan pentadbiran lebih teratur.



Unit ini menerangkan nama, lokasi, sejarah, identiti dan organisasi sekolah. Setiap warga sekolah haruslah berbangga dengan sekolah sendiri. Perasaan bangga ini dapat diperkuuh dengan mempelajari sejarah tempat tinggal dalam unit seterusnya.



Fikir dan Jawab



A. Isi tempat kosong bagi setiap soalan di bawah berpaduan jawapan yang diberikan.

sumbangangan

panduan

identiti

tokoh

mercu tanda

1. Nama sekolah lazimnya diambil sempena dengan nama tempat, _____ atau jalan.
2. Lokasi sekolah lebih mudah ditemui jika kita mengenali _____ yang berhampiran.
3. Sejarah sekolah perlu dipelajari untuk dijadikan _____ ke arah yang lebih baik bagi mencapai matlamat sekolah.
4. Kita perlu mengiktiraf jasa dan _____ sekolah yang menjadikan kita insan berakhhlak mulia.
5. Lencana merupakan _____ yang menjadi kebanggaan setiap warga sekolah.



[Sumber: Sekolah Kebangsaan (I) Jalan Batu Tiga, Klang, Selangor]

B. Teliti gambar di atas. Berikan tiga cara anda dapat mengharumkan nama sekolah.

i.

ii.

iii.



Nota Guru

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Perbanyak halaman ini.





Cinta akan Negara

Sekolah merupakan tempat menimba ilmu bagi memajukan diri, membangunkan masyarakat dan membina negara.



Diri

Kita perlu menghargai sumbangan sekolah dalam membentuk diri menjadi seorang yang berilmu dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.

Masyarakat

Individu yang berilmu dapat membentuk masyarakat yang berpendidikan dan bersatu padu.

Negara

Masyarakat berpendidikan dapat melahirkan warganegara yang berjasa kepada negara dan mampu mengangkat imej negara di persada dunia.



Menyertai sesuatu pertandingan di sekolah boleh memupuk persaingan yang sihat dan mewujudkan semangat cinta akan negara.

(Sumber: Wan Marzuqi bin Wan Mustafa, Sekolah Kebangsaan Pos Brooke, Gua Musang, Kelantan)

Unit 4

SEJARAH TEMPAT TINGGAL



Sinopsis

Tempat tinggal merupakan keperluan asas manusia. Unit ini menceritakan maklumat lengkap tentang bentuk muka bumi, sejarah dan tokoh setempat.



(Sumber: Mohd Zafarudin bin Buyong)



Nilai Teras Sivik

- Kasih sayang
- Bertanggungjawab



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan maklumat lengkap mengenai tempat tinggal.
2. Menerangkan bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal.
3. Menjelaskan sejarah tempat tinggal.
4. Menghuraikan tokoh setempat.



(Sumber: Rosmawati binti Ramli)



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami sejarah tempat tinggal.
2. Mengumpul maklumat kawasan tempat tinggal.
3. Mencari maklumat tokoh setempat.



Di Sinilah Saya Tinggal

Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai alamat. Maklumat yang ada pada alamat ialah nombor rumah, nama jalan, poskod, nama bandar dan nama negeri. Setiap kawasan tempat tinggal memiliki kemudahan dan keistimewaan yang tersendiri.



Florence Jessy, Miri

Saya tinggal di No. 45, Rumah Panjang Sungai Mamut, 98150 Miri, Sarawak. Tempat tinggal saya berhampiran dengan Gua Niah yang terkenal dengan tinggalan zaman prasejarah. Di kawasan tempat tinggal saya terdapat sekolah dan klinik kesihatan.



(Sumber: Noor Syazana binti Taib)

Lukman Hakim, Johor Bahru

Alamat rumah saya ialah No. 14, Jalan Tiram 17/B, Taman Saujana, 81800 Johor Bahru, Johor. Tempat tinggal saya berdekatan dengan Teluk Danga dan Istana Bukit Serene. Di kawasan tempat tinggal saya terdapat sekolah, hospital dan taman rekreasi.




Cerdas Minda

Nyatakan kemudahan yang terdapat di kawasan Rumah Panjang Sungai Mamut.

(Sumber: Nurul Syahida binti Muhamad Noor)





Peter Jackson, Ranau

Alamat rumah saya ialah No. 17, Jalan Randagong Himbaan, Kampung Kesisigon, Kundasang, 89300 Ranau, Sabah. Tempat tinggal saya berhampiran dengan Gunung Kinabalu yang merupakan gunung tertinggi di Asia Tenggara. Di kawasan tempat tinggal saya terdapat sekolah dan pasar.



(Sumber:
Junaydie bin
Sihan)

Kawasan tempat tinggal perlu dihargai kerana mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri.



Aktiviti Melukis Poster

Hasilkan sebuah poster yang bertemakan kepentingan menjaga kemudahan awam di tempat tinggal anda.



I.4.1
K I.4.5


Nota Guru

Bimbing murid menjelaskan maksud alamat, mercu tanda dan kemudahan tempat tinggal.



Kawasan Tempat Tinggal Saya

Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-beza seperti kawasan tanah tinggi, tanah pamah, pesisir laut dan pinggir sungai. Bentuk muka bumi ini mempengaruhi kegiatan masyarakat dan mempunyai keunikannya yang tersendiri.



Kepada sahabat saya Lukman Hakim dan Peter.

Apa khabar? Saya ingin bercerita tentang tempat tinggal saya.

Saya tinggal di kawasan pedalaman bahagian Miri, Sarawak. Bentuk muka bumi kawasan tempat tinggal saya berbukit-bukau dan tanah pamah. Bentuk muka bumi yang berbukit-bukau ini membolehkan tanaman komersial seperti kelapa sawit diusahakan.

Selain itu, keistimewaan yang terdapat di tempat tinggal saya ialah batu berbentuk kuda laut di Pantai Tusan dan keunikan gua batu kapur di Taman Negara Mulu. Di sini saya sertakan gambar tempat-tempat menarik di kawasan saya.

Bagaimanakah pula tempat tinggal Lukman dan Peter? Harap anda dapat menceritakannya kepada saya.

Daripada,
Florence Jessy.



Taman Negara Mulu



Pantai Tusan, Bekenu
(Sumber: Monica Chai Sze Ching)



Terima kasih Florence kerana mengirimkan e-mel.

Untuk pengetahuan Florence dan Peter, saya tinggal di Johor Bahru, Johor. Bentuk muka bumi di Johor Bahru ialah pinggir laut dan tanah pamah.

Keistimewaan yang terdapat di Johor Bahru ialah Tambak Johor yang menghubungkan Johor Bahru dan Singapura serta pelabuhan antarabangsa Tanjung Pelepas. Selain itu, di kawasan tempat tinggal saya juga dibangunkan kawasan perindustrian dan perkilangan.


Daripada,
Lukman Hakim.



Tambak
Johor



Pelabuhan
Tanjung
Pelepas



Terima kasih atas e-mel Florence dan Lukman.


Saya juga ingin bercerita tentang tempat tinggal saya. Tempat tinggal saya terletak di Ranau, Sabah. Bentuk muka bumi di Ranau ialah tanah tinggi dan sungai. Kawasan tanah tinggi dijadikan kawasan tarikan pelancongan dan pertanian.

Keistimewaan yang terdapat di Ranau ialah Kolam Air Panas Poring dan ladang penternakan lembu yang terletak di Mesilau, Kundasang.

Daripada,
Peter Jackson.



Kolam
Air Panas
Poring



Ladang
penternakan
lembu di
Mesilau,
Kundasang

Setiap tempat tinggal mempunyai keistimewaan yang tersendiri walaupun mempunyai bentuk muka bumi yang berbeza-beza. Tempat tinggal juga boleh dijadikan tarikan pelancongan, sumber ekonomi dan peluang pekerjaan.



Aktiviti PAK-21 Hot Seat

Secara berkumpulan:

1. Seorang murid akan duduk di kerusi yang disediakan.
2. Murid tersebut akan menjadi pakar dan menjawab soalan di bawah.
 - (a) Cadangkan langkah-langkah menjaga kebersihan di tempat tinggal anda.
 - (b) Kepentingan menjaga kebersihan dan keindahan tempat tinggal anda.



1.4.2
K 1.4.6

Nota Guru

Bimbing murid mengkaji kawasan tempat tinggal mereka.



Sejarah Tempat Tinggal

Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai sejarah yang tersendiri. Sejarah tempat tinggal menceritakan asal usul nama tempat dan peristiwa penting yang pernah berlaku.



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Kumpulan Sejarah

Hafey

Selamat petang. Bolehkah saya mendapatkan maklumat tentang sejarah Miri, Johor Bahru dan Ranau untuk kajian kes sekolah saya? 15:38

Florence Jessy

Boleh, mari saya ceritakan sejarah di Miri. Miri pernah dikuasai oleh Kesultanan Brunei dan keluarga Brooke. Miri berkembang maju kerana industri petroleum sejak tahun 1910. Miri diiktiraf sebagai bandar raya pada tahun 2005. Saya sertakan gambar Miri pada tahun 1950-an yang saya ambil daripada Arkib Negara Malaysia. 15:40 ✓

Bandar Miri pada tahun 1950-an

Mesej

50 KPM

Lukman Hakim

Tanjung Puteri ialah nama asal Johor Bahru. Tanjung Puteri diasaskan oleh Temenggong Daeng Ibrahim pada tahun 1855. Kemudian Sultan Abu Bakar menukar nama Tanjung Puteri kepada Johor Bahru pada tahun 1866.



Sultan Abu Bakar

15:50



Bandar raya Johor Bahru 15:5

Mesej



(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

Perasaan bangga dan menghargai tempat tinggal akan wujud jika kita memahami sejarahnya.

I.4.3
K I.4.7

Nota Guru

Bimbing murid mengenali sejarah tempat tinggal.



Peter Jackson

Ranau pula berasal daripada perkataan "Ranahon" yang bermaksud kawasan sawah padi. Ranau pernah dijadikan kubu pertahanan Mat Salleh ketika menentang British. Taman Negara Kinabalu yang terletak di Ranau diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) pada tahun 2000.

15:56 ✓



Tugu Peringatan Mat Salleh

Mesej

16:0



Mengapakah anda perlu menghargai kawasan tempat tinggal?





Tokoh Setempat

Tokoh setempat bermaksud individu yang banyak menyumbang jasa dan bakti kepada komuniti. Mereka dikenali oleh penduduk setempat dan biasanya memegang jawatan tertentu dalam komuniti.



Junaydie bin Sihan

- Dilahirkan pada 10 Julai 1977. Beliau bertugas sebagai Ketua Malim Gunung di Gunung Kinabalu.
- Tugas beliau adalah untuk menjaga keselamatan pendaki serta membantu pihak Taman Negara Kinabalu dalam penjagaan alam sekitar.
- Menyampaikan ceramah tentang tugas malim gunung dan membantu mempromosikan kawasan ekopelancongan berdasarkan komuniti.

(Sumber: Junaydie bin Sihan)



Glosari

Malim gunung: orang yang bertugas sebagai penunjuk jalan semasa pendakian gunung.

Aktivis: orang yang terlibat dalam sesuatu kegiatan secara aktif.



Cerdas Minda

Apakah maksud tokoh setempat?



Muhammad Azali Kalki bin Abdullah

- Dilahirkan pada 1 Ogos 1964. Beliau bertugas sebagai guru dan mengajar di Sekolah Kebangsaan Nusantara di Johor Bahru.
- Memperkenalkan modul pencegahan dadah untuk komuniti bagi membantu bekas penagih dadah.
- Memberikan sumbangan sebagai penceramah dan aktivis pencegahan dadah bagi membantu bekas penagih dadah untuk kembali ke dalam masyarakat.

(Sumber: Muhammad Azali Kalki bin Abdullah)

Siti Jaharah binti Matassan

- Dilahirkan pada 16 Mac 1951. Beliau merupakan usahawan kek lapis di Miri.
- Mula menghasilkan produk kek lapis dan menjual di kampungnya secara kecil-kecilan. Perniagaannya semakin berkembang sehingga ke luar negara.
- Mengadakan kelas masakan, menyediakan peluang pekerjaan dan membantu mempromosikan produk tempatan di luar negara.



(Sumber: Mohammad Hafidz bin Rohani)

Jasa tokoh setempat haruslah dihargai dan menjadi teladan untuk kesejahteraan dan kemajuan negara.



Kajian Kes

Kajian Kes Tokoh Setempat

Penyataan Masalah	Tokoh setempat membantu memajukan kawasan tempat tinggal. Bincangkan.
Objektif Kajian	<ul style="list-style-type: none">Menyatakan tokoh di kawasan tempat tinggal.Menghuraikan sumbangan tokoh setempat.Menjelaskan nilai kepimpinan tokoh yang boleh dicontohi.
Sumber Rujukan	<ul style="list-style-type: none">Buku/jurnal/majalahOrang sumberDokumen/laporan/diariAkhbarLaman sesawang rasmiMuzium/arkib/agensi berkaitan
Laporan Kajian	<ul style="list-style-type: none">Penyataan masalahObjektif kajianKaedah kajianAnalisis dataHasil dapatanRujukanLampiran

Nota Guru

- Boleh dijalankan secara individu atau kumpulan.
- Laporan kajian disediakan dalam satu halaman hingga lima halaman sahaja.
- Bimbing murid melaksanakan kajian kes mengikut format yang ditetapkan.



Imbas Kembali



Di Sinilah Saya Tinggal

- Maklumat tempat tinggal meliputi nombor rumah, nama jalan, poskad, nama bandar dan negeri.

Kawasan Tempat Tinggal Saya

- Kawasan tempat tinggal berbeza-beza mengikut bentuk muka bumi.



Sejarah Tempat Tinggal

- Setiap kawasan tempat tinggal mempunyai sejarah tersendiri.



Tokoh Setempat

- Tokoh setempat ialah individu yang banyak berjasa untuk kemajuan setempat.

Unit ini memberikan pemahaman tentang maklumat kawasan tempat tinggal. Pemahaman tentang sejarah tempat tinggal dapat membantu murid mengetahui asal usul kejadian bentuk muka bumi. Asal usul kejadian bentuk muka bumi dunia akan dipelajari dalam unit Zaman Air Batu.



Fikir dan Jawab

A. Padankan pernyataan di bawah.

1. Gunung tertinggi di Asia Tenggara terletak di tempat tinggal saya.
2. Saya tinggal di Rumah Panjang Sungai Mamut.
3. Petroleum pernah dijumpai di tempat tinggal saya.
4. Nama asal tempat tinggal saya ialah Tanjung Puteri.
5. Tempat tinggal saya pernah menjadi kubu pejuang tempatan.
6. Tempat tinggal saya diasaskan oleh Temenggong Daeng Ibrahim.

Ranau

Miri

Johor Bahru

B. Jawab soalan di bawah ini.

- I. Senaraikan tiga kemudahan yang terdapat di tempat tinggal anda.

- i. _____.
- ii. _____.
- iii. _____.

2. Berikan dua cara untuk mengekalkan keindahan alam sekitar di kawasan tempat tinggal anda.

- i. _____.
- ii. _____.

3. Mengapakah kita perlu mengenali tokoh setempat?



Cinta akan Negara



Kita harus bersyukur kerana mempunyai tempat tinggal. Kita perlu menjaga kawasan tempat tinggal demi kesejahteraan generasi akan datang.

Diri

Kita perlu menghargai tempat tinggal agar kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan prihatin terhadap alam sekitar.

Masyarakat

Sikap menjaga alam sekitar menjadi kunci keharmonian dan kesejahteraan masyarakat kita yang berbilang kaum.

Negara

Kesejahteraan masyarakat dapat memberikan inspirasi kepada warganegara untuk membangunkan negara tercinta.



Kita harus bekerjasama menjaga kawasan tempat tinggal kita.
(Sumber: BERNAMA)

Unit 5

ZAMAN AIR BATU



Sinopsis

Peningkatan suhu bumi telah mengakibatkan berlakunya kecairan air batu. Bentuk muka bumi dan kehidupan manusia turut mengalami perubahan. Unit ini membincangkan maksud dan garis masa Zaman Air Batu, perubahan Zaman Air Batu Akhir dan kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara.



Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Kasih sayang



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan maksud Zaman Air Batu.
2. Menyenaraikan garis masa Zaman Air Batu Akhir.
3. Menerangkan perubahan Zaman Air Batu Akhir.
4. Menghuraikan kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menerangkan perubahan dan kejadian mengikut kronologi tentang kewujudan Zaman Air Batu.
2. Memahami signifikan bukti tinggalan Zaman Air Batu.
3. Mengkaji kesan perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara.



Kenali Zaman Air Batu

Zaman Air Batu ialah zaman bumi dilitupi oleh air batu yang tebal disebabkan oleh penurunan suhu yang ketara. Zaman ini berlaku dalam tempoh yang lama.

Pada Zaman Air Batu Akhir berlaku proses pengglasieran atau kecairan air batu akibat peningkatan suhu bumi. Pencairan air batu menyebabkan paras air laut meningkat.

Proses pengglasieran pada Zaman Air Batu Akhir.



Glosari

Pengglasieran: bongkah air batu yang besar bergerak perlahan-lahan dan mencair ke permukaan bumi.

Kala: masa, waktu.

Kala Kuaterner: zaman yang bermula 2.5 juta tahun yang lalu.

Epok: subunit masa dari 70 juta tahun dahulu hingga kini.

Dalam sejarah dunia, Zaman Air Batu berlaku sebanyak lima kali. Zaman Air Batu Akhir berlaku pada Kala Kuaterner yang dibahagikan kepada dua epok, iaitu Pleistosen dan Holosen.

Dua Epok Zaman Air Batu Akhir

1

Epok Pleistosen

- Suhu bumi rendah dan banyak kawasan dilitupi air batu.
- Manusia mula mengetahui cara membuat api.
- Tanah dataran menjadi lebih luas.

2

Epok Holosen

- Suhu bumi mula meningkat.
- Air batu mula mencair.
- Paras air laut meningkat.

Kita perlu peka dan prihatin terhadap suhu bumi yang mempengaruhi kehidupan.



Cerdas Minda

Apakah dua epok pada Zaman Air Batu Akhir?

Nota Guru

- Bimbing murid memahami Zaman Air Batu.
- Bimbing murid memahami dua epok Zaman Air Batu Akhir.

2.I.I



Garis Masa Zaman Air Batu Akhir


Garis masa Zaman Air Batu Akhir berlaku pada Kala Kuaterner pada Epok Pleistosen dan Epok Holosen.

Kala Kuaterner


2.5 juta hingga 11 700
tahun dahulu
Epok Pleistosen

11 700 tahun dahulu
hingga kini
Epok Holosen

Garis Masa Zaman Air Batu Akhir.



Harimau bertaring lengkung



Mamot



Sloth

Haiwan pada Epok Pleistosen.

Berdasarkan garis masa Zaman Air Batu Akhir, kita dapat mengkaji perubahan yang berlaku terhadap hidupan dan bumi.



Cerdas Minda

Apakah haiwan yang wujud pada Zaman Air Batu Akhir?



Nyatakan kepentingan mengambil iktibar daripada perubahan zaman dalam kehidupan manusia.



Jom Buat

Model Pencairan Air Batu

Alatan dan Bahan

Ketulan air batu, cawan kertas, pen penanda, pinggan plastik dan pewarna biru.



1



Sediakan ketulan air batu yang telah dicampur dengan pewarna biru.

2



Letakkan ketulan air batu di bahagian atas cawan.

3



Biarkan selama 15 minit di tempat terbuka.

4



Tandakan paras air pada pinggan.



Nota Guru

- Gunakan ketulan air batu berwarna bagi mendapatkan hasil yang lebih baik.
- Murid boleh menggunakan bekas lain yang lebih sesuai.



Perubahan Zaman Air Batu Akhir

Pada Zaman Air Batu Akhir berlaku perubahan suhu. Suhu dunia meningkat dan berlaku kecairan air batu. Perubahan ini telah memberikan kesan yang besar terhadap bentuk fizikal dan hidupan bumi.

Perubahan

Peningkatan suhu telah membawa perubahan kepada bentuk muka bumi.

Perubahan Bentuk Muka Bumi

- Suhu bumi meningkat.
- Ais mula mencair.
- Air melimpah ke kawasan rendah sehingga membentuk tasik dan laut.

Iklim

- Iklim berubah daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk.
- Perubahan iklim disebabkan oleh sinaran matahari dan pemanasan bumi.

Rupa Bentuk Fizikal Bumi

- Perubahan bentuk fizikal bumi.
- Paras air laut meningkat sehingga 100 meter.

Kesan

Peningkatan suhu juga telah memberikan kesan kepada bentuk muka bumi, kehidupan manusia dan haiwan.



Aktiviti PAK-21

Jalan Galeri (*Gallery Walk*)

1. Bincangkan kepentingan usaha mengekalkan kelestarian alam sekitar dan catatkannya pada kertas sebak.
2. Setiap pasukan akan bergerak dari satu pasukan ke pasukan lain untuk membuat penilaian hasil kerja.
3. Setiap pasukan boleh membuat komen dengan menggunakan pen warna yang berbeza-beza.

Nota Guru

Bimbang murid memahami perubahan bentuk muka bumi dan kesannya terhadap bentuk muka bumi, kehidupan manusia dan haiwan.

2.1.3
K 2.1.7



Kesan Perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara

Perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir seperti pengglasieran, perubahan iklim dan bentuk muka bumi turut memberikan kesan di Asia Tenggara. Antara kesan tersebut termasuklah kenaikan paras air laut di Pentas Sunda dan berlakunya pergerakan manusia dan haiwan.



Tahukah Anda?

Asia Tenggara terdiri daripada Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina, Indonesia, Thailand, Laos, Kemboja, Myanmar, Timor Leste dan Vietnam.

Kesan terhadap Asia Tenggara

Kenakan paras air laut di Pentas Sunda.


Berlaku pergerakan manusia dan haiwan.

Pentas Sunda ialah kawasan tanah luas di Asia Tenggara yang menghubungkan daratan dengan kepulauan. Oleh itu, kedudukan Pentas Sunda mempengaruhi bentuk muka bumi di rantau Asia Tenggara.

Kenakan paras air laut telah mempengaruhi bentuk muka bumi Pentas Sunda.



Kedudukan Pentas Sunda pada Epok Pleistosen.



Kedudukan Pentas Sunda selepas Zaman Air Batu Akhir (Epok Holosen).
(Sumber: Koleksi Prof. Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin)

Kecairan air batu juga menyebabkan kenaikan paras air laut yang membawa kepada pembentukan sungai dan tasik di Asia Tenggara. Aliran air sungai telah menenggelamkan kawasan tanah rendah di sepanjang tepi pantai.

Kecairan air batu juga memberikan kesan kepada kewujudan petempatan baharu di Asia Tenggara.

Manusia telah bergerak ke kawasan yang lebih tinggi dan hidup secara berpindah-randah dan akhirnya menetap.

Kawasan Asia Tenggara juga menjadi tempat tinggal haiwan.

Perubahan dan kesan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara menyedarkan masyarakat akan kepentingan memelihara bumi dan menyayangi alam sekitar.



Cerdas Minda

Apakah kesan kecairan air batu di Pentas Sunda?



Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk memelihara dan memulihara alam sekitar?



Nota Guru


- Bimbing murid memahami kesan perubahan pada Zaman Air Batu Akhir.
- Minta murid mencari kedudukan Asia Tenggara di peta dunia.



Jom Cari

Cari dan bulatkan haiwan yang hidup semasa Zaman Air Batu Akhir.

1. Mamot
2. Sloth
3. Harimau bertaring lengkung






Imbas Kembali

Kenali Zaman Air Batu

Zaman Air Batu ialah zaman bumi dilitupi oleh air batu yang tebal disebabkan oleh penurunan suhu yang ketara.




Garis Masa Zaman Air Batu Akhir

Garis masa Zaman Air Batu Akhir berlaku pada Kala Kuaterner.

Perubahan Zaman Air Batu Akhir

Perubahan Zaman Air Batu Akhir telah memberikan kesan kepada bentuk muka bumi, iklim, haiwan dan petempatan manusia.



Kesan Perubahan Zaman Air Batu Akhir di Asia Tenggara

Kawasan rendah di Pentas Sunda tenggelam dan berlaku perubahan pada bentuk muka bumi di Asia Tenggara.

Unit ini memberikan pemahaman tentang maksud dan garis masa Zaman Air Batu Akhir. Perubahan yang berlaku pada Zaman Air Batu Akhir telah memberikan kesan pada bentuk muka bumi, kehidupan manusia dan haiwan. Unit seterusnya akan membincangkan perkembangan dan perubahan kehidupan manusia pada zaman prasejarah.



Fikir dan Jawab

A. Pilih jawapan yang betul.


1. Pada Zaman Air Batu, bumi dilitupi oleh air batu disebabkan oleh _____ suhu bumi.
A. penurunan B. peningkatan C. pencairan
2. Zaman Air Batu Akhir telah memberikan kesan kepada perubahan _____ dan juga kehidupan harian manusia.
A. pancaran matahari B. fizikal bumi C. angin monsun
3. Suhu bumi meningkat menyebabkan berlakunya proses _____ pada Zaman Air Batu Akhir.
A. pembekuan B. pengglasieran C. penyejukan
4. Perubahan Zaman Air Batu Akhir telah menyebabkan kepupusan _____.
A. manusia B. haiwan C. pokok
5. Kenaikan paras air laut di _____ berlaku akibat perubahan suhu pada Zaman Air Batu Akhir.
A. Pentas Sunda B. Laut Jawa C. Selat Melaka

B. Tuliskan kesan peningkatan suhu pada Zaman Air Batu Akhir.

(i)

(ii)

(iii)



Nota Guru

- Bimbang murid menjawab soalan.
- Perbanyak halaman ini.





Cinta akan Negara



Setiap individu perlu mempunyai pengetahuan tentang alam sekitar. Kesedaran untuk memelihara alam sekitar perlu ada dalam kalangan warganegara.

Diri

Sebagai rakyat kita perlu mempunyai kesedaran untuk menjaga alam sekitar.



Masyarakat

Masyarakat perlu mempunyai sikap untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Negara

Kelestarian alam sekitar dapat dikekalkan untuk kepentingan generasi akan datang.



Aktiviti menanam semula pokok bakau membantu mengekalkan alam sekitar di negara kita.

(Sumber: BERNAMA)


Unit 6

ZAMAN PRASEJARAH



Sinopsis

Zaman prasejarah perlu dipelajari untuk mengetahui bermulanya kehidupan manusia. Pelbagai tahap kehidupan dilalui menjadikan cara hidup manusia semakin berkembang. Unit ini membincangkan maksud, lokasi, alatan serta kegiatan sosial dan ekonomi dalam kehidupan manusia pada zaman prasejarah.



Gua Niah, Sarawak.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Nilai Teras Sivik

- Kasih sayang
- Bertanggungjawab



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan maksud zaman prasejarah.
2. Memberikan contoh lokasi zaman prasejarah di negara kita.
3. Menghuraikan ciri kehidupan dari aspek kegiatan sosial dan ekonomi manusia zaman prasejarah.
4. Menghuraikan sumbangan teknologi zaman prasejarah.




Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami susunan dan pertukaran masa zaman prasejarah.
2. Memahami isu dan masalah masa lalu bagi meningkatkan kesedaran untuk menghadapi perubahan persekitaran.
3. Mengenal pasti lokasi zaman prasejarah di negara kita.



Kenali Zaman Prasejarah

Zaman prasejarah ialah zaman sebelum manusia mengenal tulisan. Zaman prasejarah membolehkan kita mengetahui sejarah dan kebudayaan manusia. Zaman prasejarah mempunyai empat tahap, iaitu Zaman Paleolitik, Mesolitik, Neolitik dan Logam.



Gambaran pelukis menunjukkan kehidupan manusia pada zaman prasejarah.

Garis masa zaman prasejarah




Kapak Batu Zaman Mesolitik.

(Sumber: Makmal Arkeologi dan Arkeometri, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia)



Zaman
Paleolitik
200 000 (SM)



Zaman
Neolitik
3000 (SM)



Tulang Mawas dan Kapak Bersoket Zaman Logam.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)



Tembikar Zaman Neolitik.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)



Kapak Genggam Zaman Paleolitik.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)

Zaman prasejarah membolehkan kita mengetahui cara hidup manusia. Zaman prasejarah menyedarkan kita bahawa manusia sentiasa mengalami perubahan dalam kehidupan.




Nota Guru

Bimbing murid memahami garis masa zaman prasejarah.



Lokasi Zaman Prasejarah di Negara Kita

Terdapat banyak lokasi zaman prasejarah di negara kita. Kewujudannya dibuktikan dengan penemuan pelbagai tinggalan kehidupan manusia seperti artifak dan fosil.



Gendang gangsa yang dijumpai di Kampung Sungai Lang, Banting, Selangor.

Lokasi zaman prasejarah di negara kita.

Sumber: 1. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 1998.

Encyclopedia of Malaysia: Early History. Singapura: Editions Didier Millet.

2. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman dan Zuliskandar Ramli (ed.), 2018. *Prasejarah dan Protosejarah Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Cerdas Minda

Nyatakan dua lokasi Zaman Neolitik di negara kita.



Penemuan lokasi zaman prasejarah membuktikan kewujudan zaman tersebut di negara kita.



Lokasi zaman prasejarah dapat dibuktikan melalui penemuan artifak. Apakah kepentingan memelihara dan memuliha artifak tersebut?




Nota Guru

Bimbing murid mengenal pasti lokasi zaman prasejarah di negara kita.



Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah


Perkembangan kegiatan sosial dan ekonomi manusia zaman prasejarah menjadikan kehidupan mereka semakin baik bagi menghadapi perubahan persekitaran.



1

Zaman Paleolitik

- Hidup secara nomad dalam kelompok kecil.
- Tinggal di dalam gua.
- Mahir menggunakan api untuk menghalau haiwan buas.



2

Zaman Mesolitik


- Hidup secara nomad dalam kelompok kecil.
- Tinggal di dalam gua, pesisir pantai atau muara sungai.



3

Zaman Neolitik

- Hidup menetap dalam kelompok yang besar.
- Membina petempatan di lembah sungai dan pesisir pantai.



4

Zaman Logam

- Hidup menetap dalam kelompok yang lebih besar.
- Mempunyai ketua sebagai pemimpin.
- Mengamalkan adat dan upacara yang tersusun.




Glosari

Nomad: kumpulan masyarakat yang selalu berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain.




Berikan tiga sikap yang perlu kita ada sebagai persediaan untuk menghadapi perubahan persekitaran.



1

Zaman Paleolitik

- Menggunakan peralatan daripada batu.
- Mengutip hasil hutan dan memburu haiwan.
- Berkongsi makanan.



2

Zaman Mesolitik


- Menggunakan peralatan daripada batu yang lebih baik buatannya.
- Mengutip hasil hutan, memburu haiwan dan menangkap ikan.
- Perkongsian makanan masih berlaku.

3

Zaman Neolitik

- Menggunakan peralatan daripada batu yang lebih kemas, dilicinkan dan mempunyai pelbagai fungsi.
- Bercucuk tanam, menangkap ikan, menternak haiwan dan menghasilkan tembikar tanah.
- Menjalankan aktiviti perdagangan secara tukar barang dan pengkhususan kerja.


Kegiatan Ekonomi Zaman Prasejarah



4

Zaman Logam

- Menggunakan peralatan yang diperbuat daripada logam.
- Perdagangan dan pelayaran menjadi aktiviti utama.
- Aktiviti perdagangan secara tukar barang semakin berkembang.
- Menjalankan hubungan dengan kerajaan luar.



Perubahan dan kesinambungan zaman prasejarah membawa kesan yang besar dalam kehidupan manusia. Manusia prasejarah bijak dan kreatif menggunakan sumber alam untuk meneruskan kehidupan.

3.1.3
K 3.1.6

Nota Guru

Bimbing murid memahami ciri kehidupan manusia zaman prasejarah.




Sumbangan Teknologi

Manusia prasejarah mencipta peralatan bersesuaian dengan keperluan pada masa itu. Peningkatan teknologi mendorong kehidupan manusia menjadi lebih baik.

Perkembangan Teknologi dalam Kehidupan Manusia

Perubahan dalam Pertanian



Masa dahulu

Menggunakan peralatan dasar seperti batu dan kayu.



Masa sekarang

Menggunakan jentera untuk meningkatkan hasil pertanian.

Perubahan dalam Komunikasi



Masa dahulu

Menggunakan lukisan, asap dan bunyi.



Masa sekarang

Menggunakan alat komunikasi moden bagi memudahkan dan mempercepat urusan.



Bagaimanakah perubahan teknologi membantu kehidupan manusia?

Nota Guru

- Bimbing murid memahami sumbangan teknologi prasejarah dalam kehidupan manusia.
- Bantu murid menyenaraikan kepentingan sumbangan zaman prasejarah kepada peradaban negara.

Perubahan dalam Sistem Pengangkutan



Masa dahulu


Menggunakan perahu yang diperbuat daripada batang pokok.



Masa sekarang

Menggunakan kapal yang lebih selamat dan menjimatkan masa.

Perubahan dalam Keperluan Rumah



Masa dahulu

Menggunakan kayu api untuk memasak.



Masa sekarang

Menggunakan dapur elektrik yang lebih mudah dan selamat.

Sumbangan teknologi membawa banyak perubahan dalam kehidupan manusia. Kemudahan pada masa kini ialah hasil daripada inovasi teknologi yang sentiasa berkembang.



Aktiviti PAK-21 Fikir-Pasang-Kongsi (*Think-Pair-Share*)

Perkembangan zaman prasejarah banyak membantu manusia dalam pengurusan kehidupan harian.

1. Lakukan aktiviti ini secara berpasangan.
2. Masa yang diberikan selama 10 minit.
3. Nyatakan sebanyak mungkin kepentingan sumbangan zaman prasejarah kepada peradaban negara.
4. Bentangkan hasil dapatan anda.



Jom Buat

Model Kenderaan Mesra Alam

Alatan dan Bahan

Botol plastik kosong, penutup botol, belon, penyedut minuman, lidi, gunting dan pita pelekat.



1




Tebuk lubang pada penutup botol.

5



Lekatkan belon pada penyedut minuman.

2



Potong lidi untuk dijadikan gandar tayar.

6



Lekatkan penyedut minuman dan belon pada botol.

3



Potong penyedut minuman untuk dijadikan pelapik gandar tayar.

7




Tiup belon.

4



Lekatkan set tayar pada botol.

8



Uji dan pamerkan kenderaan mesra alam kamu.


- Bantu murid membina kenderaan mesra alam.
- Berhati-hati menggunakan peralatan tajam.



Imbas Kembali

Kenali Zaman Prasejarah


Zaman prasejarah merupakan zaman sebelum manusia mengenal tulisan.



Zaman Prasejarah

Lokasi Zaman Prasejarah di Negara Kita

Lokasi zaman prasejarah dikenal pasti melalui penemuan artifak peninggalan manusia pada zaman tersebut.



Kehidupan Manusia Zaman Prasejarah

Kehidupan manusia zaman prasejarah dapat diperhatikan melalui kegiatan sosial dan ekonomi mereka.



Sumbangan Teknologi

Pembaharuan dalam bidang pertanian, komunikasi, pengangkutan dan peralatan memudahkan kehidupan manusia.



Unit ini memberikan pemahaman tentang sumbangan dan perubahan kehidupan manusia zaman prasejarah. Pengetahuan ini akan membantu memudahkan pemahaman tentang kemunculan kerajaan Melayu awal yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



Fikir dan Jawab

A. Tandakan (✓) pada pernyataan yang benar dan tandakan (X) pada pernyataan yang salah tentang menghargai tinggalan sejarah.

1.	Tinggalan sejarah boleh dijadikan panduan dan iktibar kepada masyarakat sekarang.	
2.	Memulihara tinggalan sejarah akan menyebabkan sesebuah negara dianggap ketinggalan zaman.	
3.	Kawasan tinggalan prasejarah boleh dijadikan sebagai kawasan tarikan pelancong.	
4.	Manusia zaman prasejarah hanya mementingkan diri sendiri dalam masyarakat.	
5.	Zaman prasejarah dapat dijadikan panduan supaya masyarakat sekarang lebih maju dan bekerjasama.	

B. Lengkapkan nama peralatan tinggalan sejarah yang berikut:



K _ pa _ _ a _ u



T _ l _ ng M _ w _ s



_ em _ ika _



K _ pa _ G _ ngg _ m



Cinta akan Negara

Pengetahuan tentang zaman prasejarah mendorong kita supaya sentiasa berusaha, bersedia dan berani menghadapi sebarang cabaran.

Diri

Sikap kreatif dan inovatif serta tidak jemu berusaha dapat memajukan diri ke arah yang lebih baik.

Masyarakat

Perkongsian idea dan tenaga daripada individu yang kreatif dan inovatif membantu masyarakat menghadapi cabaran semasa.

Negara

Masyarakat yang bersedia menghadapi cabaran menjadi pemangkin kepada kesinambungan pembangunan dan kemajuan negara pada hari ini.



Kemajuan pada hari ini ialah hasil perkembangan kehidupan masa lalu.
(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)

Unit 7

KERAJAAN MELAYU AWAL



Sinopsis

Sejarah Alam Melayu memperlihatkan kemunculan beberapa kerajaan Melayu awal. Kerajaan-kerajaan ini wujud sejak abad pertama lagi. Unit ini membincangkan nama, lokasi, bentuk hubungan diplomatik dan kegiatan ekonomi kerajaan Melayu awal.



Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Hormat-menghormati



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menamakan kerajaan Melayu awal di Alam Melayu.
2. Menyatakan lokasi kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.
3. Menjelaskan hubungan diplomatik kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.
4. Menghuraikan kegiatan ekonomi kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.



Peninggalan kerajaan Kedah Tua di Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

LAUTAN
PASIFIK



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Memahami kronologi dan perubahan dalam kerajaan Melayu awal.
2. Meneroka bukti berkaitan dengan kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.



Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu

Terdapat beberapa buah kerajaan Melayu awal yang wujud di Alam Melayu. Kewujudan kerajaan Melayu awal ini dibuktikan dengan peninggalan sejarah seperti monumen yang memperlihatkan pengaruh Hindu-Buddha. Kerajaan-kerajaan ini muncul mengikut peredaran zaman.



Tapak bandar Oc-Eo

(Sumber: John Guy,
Lost Kingdoms,
Hindu-Buddhist
Sculpture of Early
Southeast Asia)

Garis Masa Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu

Abad Pertama	Abad Kedua	Abad Kelima	Abad Keenam
Kerajaan Funan	Kerajaan Champa	Kerajaan Kedah Tua	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan Chih-Tu• Kerajaan Gangga Nagara



Candi Po Nagar

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Candi Bukit Batu Pahat di Lembah Bujang

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Candi Muara Jambi

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Kerajaan Melayu Awal di Alam Melayu.



Candi Prambanan

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Abad Ketujuh	Abad Kesembilan	Abad ke-10	Abad ke-13	Abad ke-15
Kerajaan Srivijaya	Kerajaan Mataram	Kerajaan Santubong	Kerajaan Majapahit	Kerajaan Beruas



Gapura Bajang Ratu

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Glosari

Alam Melayu: kawasan yang merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian tenggara benua Asia.

Monumen: bangunan yang dibina untuk memperingati peristiwa penting.

Gapura: pintu gerbang istana atau kuil.



4.1.1

Nota Guru

Bimbing murid memahami garis masa kerajaan Melayu awal di Alam Melayu.



Lokasi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu bermula daripada petempatan kecil yang kemudian berkembang menjadi pelabuhan. Pelabuhan ini seterusnya berkembang menjadi kerajaan.



Lokasi kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.

Kerajaan Kedah Tua

Lokasi kerajaan ini di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang, Lembah Bujang. Lembah Bujang terletak di negeri Kedah.

Kerajaan Gangga Nagara

Lokasi kerajaan ini di pantai barat bahagian tengah Tanah Melayu. Kerajaan ini terletak di negeri Perak.

Kerajaan Beruas

Lokasi kerajaan ini di pantai barat bahagian tengah Tanah Melayu. Kerajaan ini terletak di negeri Perak.

Kerajaan Chih-Tu

Lokasi kerajaan ini di Tanah Merah, Kelantan.

Kerajaan Santubong

Lokasi kerajaan ini di Sungai Sarawak, Sarawak.

Kerajaan Srivijaya

Lokasi kerajaan ini di Lembah Sungai Musi, Sumatera.

Kerajaan Mataram

Lokasi kerajaan ini di Jawa Tengah.

Kerajaan Majapahit

Lokasi kerajaan ini berpusat di Trowulan, Mojokerto, Jawa Timur.

Kerajaan Melayu awal terletak di kawasan yang strategik, iaitu di pesisir pantai yang memudahkan perhubungan. Lokasi ini membolehkan kerajaan Melayu awal berkembang maju dan makmur.



Cerdas Minda

Nyatakan lokasi kerajaan Kedah Tua dan kerajaan Santubong.

4.1.2


Nota Guru

Bantu murid mengenal lokasi kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.



Hubungan Diplomatik Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Hubungan diplomatik ialah hubungan yang terjalin antara sebuah kerajaan dengan kerajaan yang lain. Kerajaan Melayu awal menjalinkan hubungan diplomatik dengan dua kuasa besar pada masa itu, iaitu China dan India.



Politik

Kerajaan Melayu awal menjalinkan hubungan diplomatik untuk mendapatkan pengiktirafan dan menjamin keselamatan bagi mengekalkan kedudukan.



Ukiran pada dinding Candi Borobudur yang menggambarkan situasi rakyat sedang menghadap raja.

(Sumber: Mardiana Nordin, 2019)





Ekonomi

Melalui hubungan diplomatik, aktiviti ekonomi dapat dikembangkan. Kerajaan Melayu awal memasarkan barang dagangan seperti rempah-ratus, bijih timah dan emas kepada kerajaan China dan India. Kerajaan Melayu awal pula ditawarkan barang mewah seperti tembikar, sutera dan perhiasan. Hubungan ini dapat meningkatkan kemakmuran kerajaan Melayu awal.



Rempah-ratus

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)



Manik yang dijadikan barang perhiasan.

(Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang)



Seramik

(Sumber: Chiam Yan Tuan, Centre for Malaysian Chinese Studies)

Barangan yang didagangkan di Kepulauan Melayu.



Cerdas Minda

Nyatakan barang yang didagangkan di Kepulauan Melayu.



Sosial

Hubungan diplomatik dapat mengeratkan persahabatan dan hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Hubungan ini dapat mewujudkan keamanan di Kepulauan Melayu.



Ukiran pada dinding Candi Borobudur yang menggambarkan kedatangan utusan dari negara luar.

(Sumber: Koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka)

Kerajaan Melayu awal yang menjalankan hubungan diplomatik dengan China dan India berjaya mengukuhkan kedudukan politik, ekonomi dan sosial di Alam Melayu.



Aktiviti PAK-21 *Fan-n-Pick Formation*

1. Bentuk kumpulan yang terdiri daripada empat orang murid dan bincangkan empat soalan tentang kepentingan menjalin hubungan diplomatik kepada kerajaan Melayu awal.
2. Tulis soalan tersebut di atas setiap kad yang diberikan.
3. Setiap ahli kumpulan mempunyai peranan yang dimainkan secara bergilir-gilir.
 - i. Murid 1: Susun kad seperti kipas.
 - ii. Murid 2: Pilih kad dan bacakan soalan.
 - iii. Murid 3: Jawab soalan.
 - iv. Murid 4: Beri maklum balas dan pujian terhadap jawapan yang diberikan.
4. Tampal kad di sudut sejarah.

Nota Guru

- Bimbang murid memahami hubungan diplomatik kerajaan Melayu awal di Kepulauan Melayu.
- Sediakan kad dan bimbang murid membina soalan bagi setiap kumpulan.



Kegiatan Ekonomi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu

Kerajaan Melayu awal menjalankan pelbagai jenis kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, mengutip hasil hutan dan laut, perlombongan dan pembuatan.

Pertanian

Lokasi kerajaan Melayu awal di lembah sungai amat sesuai untuk kegiatan pertanian kerana tanahnya subur. Mereka mengusahakan tanaman seperti padi, pisang, buah pala dan ubi kayu. Hasil tanaman ini dipasarkan untuk memenuhi keperluan penduduk.



Penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Kedah Tua dan Majapahit.



Cerdas Minda

Senaraikan tanaman yang diusahaikan oleh masyarakat kerajaan Melayu awal.

Pelabuhan Perdagangan

Lokasi Kepulauan Melayu yang berada di jalan laut perdagangan timur dan barat menyebabkan kegiatan perdagangan kerajaan Melayu awal berkembang maju. Kewujudan pelabuhan memudahkan pedagang untuk singgah dan menjalankan kegiatan perdagangan di Kepulauan Melayu. Barang dagangan utama ialah rempah-ratus seperti lada hitam, bunga cengklik dan buah pala.



Kegiatan perdagangan di pelabuhan kerajaan Melayu awal.



Jelaskan kepentingan perdagangan jalan laut kepada negara kita.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi
Nik Abdul Rahman (ed.), 1998.
Encyclopedia of Malaysia: Early History. Singapura: Editions Didier Millet)



Aktiviti PAK-21

Peta Pemikiran

1. Melalui pelbagai sumber, dapatkan maklumat barang dagangan yang didagangkan oleh kerajaan Melayu awal.
2. Bina peta pemikiran yang sesuai bagi menyenaraikan barang tersebut.
3. Bentangkan.

Hasil Hutan dan Hasil Laut

Kerajaan Melayu awal kaya dengan hasil hutan dan hasil laut. Antaranya termasuklah rotan, sarang burung, kulit penyu, teripang dan mutiara. Barang ini mendapat permintaan tinggi daripada pedagang.



Hasil Hutan



Gaharu



Rotan



Kapur barus

Hasil Laut



Mutiara



Teripang

Kerajaan yang mengeluarkan hasil hutan dan hasil laut ialah kerajaan Gangga Nagara, Chih-Tu dan Srivijaya.



Aktiviti

Secara berkumpulan, senaraikan dan bentangkan kegunaan hasil hutan serta hasil laut dalam kehidupan masyarakat kerajaan Melayu awal.

Perlombongan dan Pembuatan

Masyarakat kerajaan Melayu awal menjalankan kegiatan perlombongan seperti bijih timah, bijih besi dan emas. Kegiatan pembuatan menghasilkan barang perhiasan, tembikar dan senjata.



Relau yang digunakan untuk melebur besi semasa kerajaan Kedah Tua.

(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia)

Kerajaan Kedah Tua, Gangga Nagara dan Santubong merupakan antara kerajaan yang menjalankan kegiatan perlombongan dan pembuatan.

Pelbagai kegiatan ekonomi berasaskan sumber alam berkembang dengan pesat sejak zaman kerajaan Melayu awal. Kekayaan sumber alam haruslah dimanfaatkan dengan bijak supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang.




Apakah sumbangan kerajaan Melayu awal terhadap ekonomi negara?



Aktiviti

Jawab soalan yang berikut.



1. Surih peta ke dalam buku latihan.
2. Berdasarkan pelbagai sumber, tanda dan labelkan lokasi kerajaan-kerajaan yang berikut:
 - i. Kerajaan Funan
 - ii. Kerajaan Champa
 - iii. Kerajaan Mataram
 - iv. Kerajaan Kedah Tua

Nota Guru

Bantu murid menyurih peta dan melabel lokasi di dalam buku latihan.



Imbas Kembali


Kerajaan Melayu Awal

- Funan
- Champa
- Kedah Tua
- Chih-Tu
- Gangga Nagara
- Srivijaya
- Mataram
- Santubong
- Majapahit
- Beruas



Kerajaan Melayu Awal

Lokasi Kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu



Hubungan Diplomatik Kerajaan Melayu Awal

- Politik
- Ekonomi
- Sosial

Kegiatan Ekonomi Kerajaan Melayu Awal



- Pertanian
- Perdagangan
- Hasil hutan dan hasil laut
- Perlombongan dan pembuatan

Unit ini membincangkan kewujudan dan perkembangan kerajaan Melayu awal di Alam Melayu. Pengetahuan ini dapat memupuk rasa bangga terhadap sumbangan kerajaan Melayu awal. Unit seterusnya akan membincangkan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka melalui Tokoh Terbilang Kesultanan Melayu Melaka.



Fikir dan Jawab

Lengkapkan silang kata nama kerajaan Melayu awal di bawah.




Melintang

- I. Kerajaan Melayu awal yang pertama.
- II. Berpusat di bahagian tengah Tanah Melayu.
- III. Terletak di Tanah Merah Kelantan.
- IV. Candi Lembah Bujang adalah tinggalannya.
- V. Lokasinya terletak di muara Sungai Sarawak.

Ke Bawah

- VI. Candi Muara Jambi dibina oleh kerajaan ini.
- VII. Candi Po Nagar dibina di sini.
- VIII. Terkenal dengan Candi Prambanan.
- IX. Pintu gerbangnya menarik.
- X. Muncul pada abad ke-15.





Fikir dan Jawab

Tulis nama monumen dan kerajaan bagi setiap gambar yang berikut:



Monumen _____

Kerajaan _____

Monumen _____

Kerajaan _____



Monumen _____

Kerajaan _____

Monumen _____

Kerajaan _____



Monumen _____

Kerajaan _____

Monumen _____

Kerajaan _____

Nota Guru

Bimbing murid meneliti gambar dan melengkapkan nama monumen dan nama kerajaan bagi setiap gambar.



Cinta akan Negara

Berbangga dengan kegembilangan dan kemajuan ekonomi kerajaan Melayu awal di Alam Melayu menjadikan kita lebih kreatif dan berdaya saing.

Diri

Menghayati dan menghargai kerajaan Melayu awal dapat melahirkan semangat patriotik dalam diri kita.

Masyarakat

Semangat patriotik dan toleransi akan mewujudkan kerjasama dan mengukuhkan hubungan dalam kehidupan bermasyarakat.

Negara

Masyarakat yang kukuh menjadi asas pembangunan dan kemajuan kepada kestabilan negara sehingga dikenali pada peringkat antarabangsa.



Kerjasama masyarakat berbilang kaum perlu dipupuk sejak kecil bagi mewujudkan keharmonian negara.

(Sumber: Koleksi Ahmad Hishanuddin bin Ramli, 2019)

Unit 8

TOKOH TERBILANG KESULTANAN MELAYU MELAKA



Sinopsis

Tokoh terbilang mempunyai peranan yang besar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Penglibatan tokoh terbilang dalam pentadbiran telah membawa kepada era kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Unit ini membincangkan struktur masyarakat dan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Diorama istiadat menghadap sultan di balairung seri istana.

(Sumber: Muzium Istana Kesultanan Melayu Melaka)



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
2. Menjelaskan maksud tokoh terbilang dalam Kesultanan Melayu Melaka.
3. Mengkategorikan peranan sultan, bendahara dan laksamana dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Nilai Teras Sivik

Bertanggungjawab



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menyatakan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
2. Mengenal pasti peranan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
3. Meneroka bukti sumbangan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka dapat dibahagikan kepada dua golongan, iaitu golongan pemerintah dan golongan yang diperintah. Setiap golongan mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing.



Struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Cerdas Minda

Nyatakan golongan yang terdapat dalam struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Tahukah Anda?

Rakyat boleh menjadi pembesar apabila diberikan jawatan oleh sultan.



Glosari

Sultan: raja

SULTAN



- Pemerintah tertinggi dalam pentadbiran negeri.
- Simbol perpaduan rakyat.

PEMBESAR

- Dilantik oleh sultan.
- Membantu sultan dalam pentadbiran negeri.



RAKYAT



- Penduduk Melaka.
- Pengikut setia kepada sultan dan pembesar.

HAMBA

- Orang suruhan sultan dan pembesar.
- Bilangan hamba melambangkan ketinggian status dan kekayaan pemiliknya.



Golongan pemerintah dan golongan diperintah memberikan sumbangan yang bermakna kepada pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Pemerintahan kerajaan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka berjalan lancar sehingga Melaka menjadi sebuah empayar yang kuat dan pusat perdagangan utama.



5.1.1

Nota Guru

- Jelaskan kepada murid tentang struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.
- Minta murid membincangkan struktur masyarakat Kesultanan Melayu Melaka.



Kenali Tokoh Terbilang

Tokoh terbilang memainkan peranan penting dalam kegembiran Kesultanan Melayu Melaka. Parameswara, Tun Perak dan Hang Tuah merupakan antara tokoh terbilang pada zaman tersebut.



Cerdas Minda

Apakah maksud tokoh terbilang?

Tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Parameswara, Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah dan Sultan Alauddin Riayat Shah. Selain itu, Bendahara Tun Perak dan Laksamana Hang Tuah juga merupakan tokoh terbilang.

Tokoh	Sumbangan
Parameswara	<ul style="list-style-type: none"> Mengasaskan Kesultanan Melayu Melaka. Memajukan Melaka sebagai pusat perdagangan.
Sultan Muzaffar Shah	<ul style="list-style-type: none"> Mengukuhkan empayar Melaka. Melaksanakan sistem perundungan yang tersusun.
Sultan Mansur Shah	<ul style="list-style-type: none"> Meluaskan empayar Melaka. Menjadikan Melaka sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat pendidikan.
Sultan Alauddin Riayat Shah	<ul style="list-style-type: none"> Mengambil berat tentang keamanan dan keselamatan dalam negeri. Menjaga kebijakan rakyat.
Bendahara Tun Perak	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan pentadbiran secara sistematik. Menunjukkan kesetiaan tinggi terhadap pemerintah.
Laksamana Hang Tuah	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan keselamatan perairan Melaka. Menjadi utusan Kesultanan Melayu Melaka.

Tokoh terbilang memberikan sumbangan yang besar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kegigihan tokoh terbilang menjadikan Melaka sebuah empayar yang kuat dan terkenal di Alam Melayu.



Aktiviti

- Bentuk dua kumpulan. Bincangkan soalan yang berikut dan bentangkan.
- Kumpulan A:** Bagaimanakah anda menghargai keistimewaan tokoh terbilang Kesultanan Melayu Melaka?



Kumpulan B: Senaraikan nilai murni yang terdapat pada tokoh terbilang.

5.1.2
K 5.1.4
K 5.1.5



Nota Guru

Bimbang murid memahami maksud tokoh terbilang dan ciri-ciri tokoh terbilang.



Peranan Tokoh Terbilang

Sultan merupakan pemerintah tertinggi kerajaan. Baginda dibantu oleh bendahara dan laksamana yang merupakan pembesar utama. Tokoh-tokoh ini membawa kegembilan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sultan

Terima kasih pengacara majlis. Salam sejahtera diucapkan kepada warga sekolah yang saya muliakan. Tajuk pidato saya ialah “Peranan Sultan Sebagai Pemerintah Kesultanan Melayu Melaka”.

Hadirin sekalian,
Sultan berada pada kedudukan yang tertinggi dalam struktur masyarakat. Sultan menjadi lambang perpaduan. Baginda juga melantik pembesar yang berkelayakan untuk menjalankan pentadbiran.

Selain itu, hubungan diplomatik dengan kerajaan lain ditentukan oleh sultan.

Hadirin sekalian,
Sultan juga menerima kunjungan pedagang asing ke Melaka. Peranan sultan menyebabkan Melaka muncul sebagai pusat perdagangan yang terkenal dan dihormati oleh kerajaan lain.

Sekian, terima kasih.

SUDUT PIDATO





Saya setuju dengan pendapat pemidato itu tadi. Selain itu, sultan juga mengetuai angkatan tentera Melaka bagi meluaskan jajahan takluknya.

Benar. Sultan merupakan ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Bukan itu sahaja, sultan juga memastikan keselamatan dan keamanan Melaka terpelihara.

Malah, baginda turut menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan.




Aktiviti PAK-2I Main Peranan (Role-Play)

1. Murid diberikan tanggungjawab untuk memegang watak.
2. Murid diberikan masa untuk membuat persediaan.
3. Murid membuat persembahan dengan memainkan watak sultan, bendahara dan laksamana yang diberikan.



Bendahara



PENGISYIHKAN KEMERDEKAAN

SUDUT SEJARAH



2

Baiklah. Setahu saya, bendahara menjadi penasihat sultan dalam urusan pentadbiran.

1 Kawan-kawan, mari kita bincangkan peranan bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka.



Cerdas Minda

Apakah peranan bendahara pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?



Betul. Hebat sungguh bendahara itu. Beliau juga menjadi ketua pembesar dalam pentadbiran negeri.

3

Kehebatan bendahara bukan setakat menjadi ketua pembesar tetapi beliau juga layak digelar tokoh terbilang. Beliau ialah pembantu sultan dalam mengembangkan agama Islam. Adakah kamu bersetuju?

4

Ada satu lagi peranan penting bendahara. Semasa sultan gering atau ke luar negara, bendahara dilantik menjadi pemangku sultan. Saya berasa kagum dengan kehebatan bendahara ini.

6

Saya setuju. Malah bendahara juga menjadi ketua diplomat, ketua hakim dan mengetuai angkatan perang.

5

Laksamana



Murid-murid, mari kita bincangkan tentang peranan laksamana. Saleh, bolehkah kongsi pengetahuan kamu?

1

Cikgu, melalui pembacaan, saya mendapati laksamana mengetuai angkatan laut Melaka dalam melakukan serangan.

2

Ya, betul. Selain itu, laksamana menjaga keamanan perairan Melaka dan keselamatan para pedagang.

6



Aktiviti PAK-21 Giliran Robin (*Rally Robin*)

Secara berpasangan, nyatakan kepentingan menghargai sumbangan tokoh-tokoh dalam negara kita.

3

Cikgu, saya juga hendak menambah maklumat.
Laksamana juga mengetuai utusan rasmi ke luar negara.

4

Laksamana juga menjadi duta bagi Melaka.

5

Cikgu, saya juga hendak berkongsi maklumat. Laksamana merupakan seorang yang berani kerana beliau merupakan pengawal peribadi sultan.



Tanggungjawab dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh sultan, bendahara dan laksamana dalam melaksanakan peranan masing-masing telah mengukuhkan kedudukan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang terkenal.





Aktiviti Permainan

Cara Bermain:

1. Seorang murid dilantik oleh guru untuk memegang kad jawapan.
2. Pemain yang sampai ke petak yang mengandungi soalan hendaklah menjawab soalan tersebut.
3. Murid tersebut mendengar dan meneliti jawapan yang diberikan oleh pemain.
4. Jika jawapan yang diberikan betul, pemain boleh meneruskan permainan.
5. Jika jawapan yang diberikan salah, pemain akan didenda dengan mengikut arahan pada teks atau kekal di petak berkenaan.

17

18

19

20

TAHNIAH, ANDA BERJAYA!

16

Nyatakan dua peranan laksamana.

15

14

13

Siapakah yang dilantik sebagai ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu?

Salah-Pergi ke Petak 5

9

10

11

12

Namakan tokoh terbilang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Salah-Pergi ke Petak 3

8

Nyatakan maksud tokoh terbilang.

7

6

5

Di manakah kedudukan hamba dalam struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?

Betul-Pergi ke Petak 9

1

MULA

2

Nyatakan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

3

4


Gayakan aksi kesetiaan rakyat kepada raja dan pembesar.

Nota Guru

- Perbanyak halaman ini.
- Sediakan buah dadu dan penanda.



Imbas Kembali



Struktur Masyarakat pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka

Struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dibahagikan kepada golongan pemerintah dan golongan diperintah.

Kenali Tokoh Terbilang

Tokoh terbilang merupakan individu yang dihormati dan disanjungi oleh masyarakat.

Peranan Tokoh Terbilang

Sultan, bendahara dan laksamana telah memainkan peranan masing-masing demi kegembilangan Kesultanan Melayu Melaka.


Unit ini membincangkan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kita juga dapat mengetahui maksud dan peranan tokoh terbilang. Unit ini telah mendorong kita untuk mengenali pengasas Kesultanan Melayu Melaka dalam unit seterusnya.



Fikir dan Jawab

1

Labelkan struktur masyarakat pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.



2

Padankan jawapan berdasarkan peranan pembesar.

Penasihat sultan dalam pentadbiran



Mengetuai utusan rasmi ke luar negara



Bendahara

Menjadi ketua diplomat



Mengetuai angkatan laut Melaka



Laksamana

Pengawal peribadi sultan



3

Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat tepat.

Nama Tokoh	Sumbangan
Sultan Muzaffar Shah	
Bendahara Tun Perak	
Laksamana Hang Tuah	



Cinta akan Negara



Institusi raja berperlembagaan dapat memastikan negara kita maju dan makmur sepanjang masa.

(Sumber: BERNAMA)

Anggota masyarakat perlu memainkan peranan untuk membangunkan negara.

Diri

Kita perlu menghayati dan mencontohi sumbangan tokoh untuk membentuk jati diri.

Masyarakat

Pembentukan jati diri akan merapatkan hubungan dalam masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa.

Negara

Hubungan yang rapat dalam kalangan masyarakat akan menjamin kesejahteraan dan kemajuan negara.



Unit 9

PENGASAS KESULTANAN MELAYU MELAKA



Sinopsis

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara. Unit ini membincangkan latar belakang dan rentetan peristiwa perjalanan pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Unit ini juga menjelaskan peristiwa pembukaan dan asal usul nama Melaka daripada pelbagai sumber.



Muzium Istana Kesultanan Melayu
Melaka, Banda Hilir, Melaka.

(Sumber: Perbadanan
Muzium Negeri Melaka)



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menyatakan latar belakang pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
2. Menerangkan rentetan peristiwa perjalanan pengasas Kesultanan Melayu Melaka.
3. Menjelaskan peristiwa pembukaan Melaka.
4. Menghuraikan asal usul nama Melaka daripada pelbagai sumber.



Nilai Teras Sivik

Kegembiraan



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

1. Menyatakan peristiwa pembukaan Melaka.
2. Menjelaskan peristiwa Parameswara mengasaskan Melaka.
3. Mengenal pasti pelbagai sumber yang berkaitan dengan nama Melaka.





Kenali Pengasas Kesultanan Melayu Melaka

Terdapat dua buah buku yang merekodkan tentang pengasas Kesultanan Melayu Melaka. Buku tersebut ialah *Sulalatus Salatin* dan *Suma Oriental*. Berdasarkan dua sumber tersebut Parameswara atau Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

Sumber

Sulalatus Salatin

- Sultan Iskandar Shah ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.



Suma Oriental

- Parameswara ialah pengasas Kesultanan Melayu Melaka.

(Sumber: *Suma Oriental Karya Tome Pires: Perjalanan dari Laut Merah ke Cina dan Buku Francisco Rodrigues*, 2014. Jogjakarta: Penerbit Ombak)



Cerdas Minda

Siapakah pengasas Kesultanan Melayu Melaka menurut *Suma Oriental*?



Tahukah Anda?

- *Sulalatus Salatin* juga dikenali sebagai *Sejarah Melayu* yang naskhah asalnya ditulis oleh Tun Sri Lanang.
- *Suma Oriental* merupakan sumber Portugis yang ditulis oleh Tome Pires.



Latar Belakang Parameswara


Parameswara ialah putera raja kerajaan Melayu dari Palembang.

1



2

Kerajaan Majapahit mahu menyerang Palembang kerana Parameswara cuba membebaskan Palembang daripada jajahan Majapahit.



3

Parameswara bersama-sama dengan pengikut beliau terpaksa meninggalkan Palembang dan menuju ke Temasik kerana diserang oleh Majapahit.



4

Pengalaman Parameswara sebagai pemimpin yang bijaksana menyebabkan beliau mendapat sokongan pembesar dan pengikut yang setia.



Mengapakah sifat-sifat kepimpinan tokoh perlu dicontohi?



Tahukah Anda?

Temasik ialah nama lama bagi Singapura.

5.2.1
K 5.2.5

Nota Guru

Bimbing murid memahami sifat-sifat kepimpinan.



Pengembalaan Parameswara Membina Kerajaan

Selepas meninggalkan Palembang, Parameswara bersama-sama dengan pengikutnya melalui pengembalaan yang penuh cabaran sehingga tiba di Temasik.



Parameswara dan para pengikutnya menaiki kapal menuju ke Temasik dan bertemu dengan Temagi. Temagi merupakan wakil kerajaan Siam yang memerintah Temasik.

Kedatangan Parameswara disambut baik oleh Temagi. Parameswara diizinkan oleh Temagi untuk menetap di Temasik.



5

Cis, berani mereka membunuh Temagi! Beta sebagai pemerintah Siam harus menuntut bela. Hutang darah dibayar dengan darah.

6

Kerajaan Siam menyediakan kelengkapan perang untuk menyerang Parameswara di Temasik.

Setelah mengetahui serangan Siam, Parameswara berundur ke Muar bersama-sama dengan pengikutnya.

7

Banyaknya biawak di sini. Beta rasa tidak sesuai tempat ini dijadikan pusat pemerintahan.

Ampun Tuanku. Benar titah Tuanku, marilah kita mencari tempat yang lain.

Parameswara dan pengikutnya meninggalkan Muar dan meneruskan perjalanan ke Sening Ujong.

8

Parameswara melantik seorang wakil pemerintah di Sening Ujong.



Aktiviti PAK-21 Main Peranan (Role-Play)

Secara berkumpulan, lakonkan semula dialog di atas secara kreatif.

5.2.2

Nota Guru

- Bimbing murid memahami pengembaraan Parameswara berdasarkan komik di atas.
- Bimbing murid melakukan aktiviti main peranan.




Peristiwa Pembukaan Melaka

Kebijaksanaan Parameswara sebagai tokoh terbilang terbukti apabila beliau berjaya memilih tempat yang baik untuk membuka sebuah kerajaan baharu.



Parameswara dan pengikutnya belayar meninggalkan Sening Ujong dan sampai ke muara Sungai Bertam. Parameswara ternampak sebuah perkampungan nelayan lalu singgah di situ.



Parameswara dan pengikutnya di muara Sungai Bertam.



Petunjuk

→ Perjalanan Parameswara ke Melaka

Perjalanan Parameswara ke Melaka.




Cerdas Minda

Di manakah letaknya perkampungan nelayan yang disinggahi oleh Parameswara?

2 Parameswara dan pengikutnya keluar berburu. Parameswara menyaksikan anjing perburuannya ditendang oleh seekor pelanduk putih sehingga jatuh ke dalam sungai. Parameswara berpendapat tempat itu sungguh bertuah dan sesuai dijadikan kerajaan apabila melihat seekor haiwan yang kecil berjaya mengalahkan haiwan yang lebih besar.

Parameswara mengambil keputusan untuk membuka sebuah kerajaan baharu sempena dengan nama pokok Melaka tempat baginda bersandar.



Parameswara dan pengikutnya melihat anjingnya ditendang oleh pelanduk putih.



Aktiviti PAK-21 Kafe

Bentuk suasana kafe atau kedai kopi di dalam kelas. Bincangkan kepentingan mengamalkan sikap taat setia kepada raja dan negara.



Nota Guru

Bimbing murid memahami peristiwa pembukaan Melaka.